



PELAN ANTIRASUAH JABATAN PERTANIAN (PLANT DOA) 2020-2025





A hand holding a small green plant against a blurred green background with geometric overlays.

**“ Integriti adalah satu jalan lurus
yang tidak memerlukan peraturan
untuk bersikap jujur dan telus. ”**

Albert Camus
Ahli Falsafah Perancis

AMANAT KETUA PENGARAH PERTANIAN

“*Semoga usaha murni ini dapat membentuk warga Jabatan yang mempunyai nilai etika, jati diri dan berintegriti sekaligus menyuburkan persepsi positif pemegang taruh terhadap Jabatan khususnya.*”

Mohd Nasir bin Warris
Ketua Pengarah Pertanian



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan salam sejahtera,

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Jabatan Pertanian (DOA) berjaya membangunkan Pelan Antirasuah Jabatan Pertanian (OACP DOA) yang menyeluruh dan mencakupi semua aspek.

Sekalung tahniah dan penghargaan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam membangunkan pelan ini. Saya berbesar hati dengan hasil usaha dan komitmen serta kerjasama erat daripada warga DOA dalam usaha menyahut seruan Perdana Menteri melalui arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018, Siri 2 No.1 Tahun 2019. Arahan ini adalah selaras dengan Pelan Antirasuah Nasional (*National Anti-Corruption Plan*) yang telah dilancarkan pada 29 Januari 2019.

Berdasarkan arahan tersebut yang mengkehendaki semua Kementerian, Jabatan dan Agensi Awam mewujudkan OACP untuk mencapai aspirasi supaya “Malaysia dikenali dengan integritinya, bukan kerana rasuahnya”. Justeru, halatuju yang sama telah diterjemahkan di dalam OACP DOA yang dikenali PLANT DOA 2020-2025 sebagai platform yang kukuh ke arah usaha membudayakan integriti di kalangan warga DOA dalam menangani gejala rasuah, integriti dan tadbir urus untuk tempoh lima tahun akan datang.

PLANT DOA ini adalah *living document* dan milik kita semua. Ia merangkumi semua inisiatif dan usaha berkaitan integriti, tadbir urus dan antirasuah dalam pelan terintegrasi. Penghasilan PLANT DOA ini telah mendapat sokongan penuh daripada pelbagai pihak antaranya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC), Institut Integriti Malaysia (IIM) dan penglibatan pegawai daripada semua bahagian.

Akhir kalam, saya dengan ini menyeru semua pegawai dan kakitangan DOA sama ada di

peringkat Ibu Pejabat atau Negeri memberikan sepenuh komitmen dalam memastikan pelaksanaan setiap inisiatif yang bersifat holistik dan berterusan di setiap peringkat lapisan pegawai dan kakitangan. Semoga usaha murni ini dapat membentuk warga Jabatan yang mempunyai nilai etika, jati diri dan berintegriti sekaligus menyuburkan persepsi positif pemegang taruh terhadap Jabatan khususnya.

Sekian.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.



Mohd Nasir bin Warris
Ketua Pengarah Pertanian

PERUTUSAN KETUA UNIT INTEGRITI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera,

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya jua, Pelan Antirasuah Jabatan Pertanian (PLANT DOA 2020-2025) dapat digubal dengan jayanya khusus untuk warga DOA.

Agenda menangani RASUAH sentiasa menjadi fokus utama Kerajaan dalam aspirasi menjadikan Malaysia bebas dari rasuah. Justeru, PLANT DOA yang telah dibangunkan secara kolektif ini perlu dilaksanakan dengan tekad dan azam yang tinggi untuk memastikan setiap warga kerja DOA berintegriti tinggi dan bebas daripada pengaruh rasuah selaras dengan tuntutan agama, aspirasi Kerajaan dan rakyat.


PLANT DOA telah menetapkan tiga (3) strategi utama untuk dilaksanakan. Strategi tersebut adalah meliputi (i) memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam, (ii) mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam dan (iii) menginstitusikan kredibiliti agensi penguatkuasaan undanag-undang. Inisiatif yang telah ditetapkan dalam PLANT DOA memfokuskan usaha untuk mengatasi risiko rasuah dan integriti serta ruang dan peluang berlakunya gejala tersebut di kalangan semua pegawai dan kakitangan DOA.

Justeru itu, pemantauan pelaksanaan semua inisiatif turut dilaksanakan malahan usaha-usaha ke arah penambahbaikan oleh semua bahagian dan negeri akan sentiasa dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan agenda integriti yang digariskan di bawah pelan tersebut sentiasa relevan dengan persekitaran Jabatan khususnya dan perkhidmatan awam amnya.

Akhir kata, jutaan penghargaan ditujukan kepada semua warga Unit Integriti DOA khususnya yang telah bertungkus lumus dalam membangunkan PLANT DOA serta semua pihak lain amnya yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membangunkan pelan ini. Semoga pelan ini dapat dijadikan rujukan serta memberi panduan kepada setiap warga Jabatan dalam usaha membanteras rasuah dan menambahbaik tadbir urus di samping memartabatkan serta membudayakan integriti di kalangan setiap pegawai dan kakitangan.

Sekian.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Maznah binti Che Muda
Ketua Unit Integriti

“ *PLANT DOA yang telah dibangunkan secara kolektif ini perlu dilaksanakan dengan tekad dan azam yang tinggi untuk memastikan setiap warga kerja DOA berintegriti tinggi dan bebas daripada pengaruh rasuah selaras dengan tuntutan agama, aspirasi Kerajaan dan rakyat.* **”**

Maznah binti Che Muda
Ketua Unit Integriti





PERNYATAAN KOMITMEN

PLANT DOA merupakan dasar antirasuah di peringkat DOA yang bertujuan untuk memperkukuhkan permasalahan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi.



Governans



Integriti



Antirasuah

Adalah diharapkan supaya PLANT DOA ini dijadikan panduan bagi semua warga Jabatan khususnya untuk memastikan pengurusan pentadbiran Jabatan bebas daripada amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan serta mencapai aspirasi nasional 'Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah'.

Bagi memastikan kejayaan PLANT DOA ini, kami warga DOA akan memberikan komitmen yang tinggi dalam memahami, mematuhi dan melaksanakan setiap inisiatif yang digariskan di dalam pelan ini dengan berkesan dalam usaha menjadikan DOA sebuah entiti yang berintegriti, cekap dan bebas rasuah.

RINGKASAN EKSEKUTIF

PLANT DOA 2020-2025 adalah sebagai *'Living Document'*

PLANT DOA 2020-2025 yang dibangunkan adalah seiring dengan komitmen Kerajaan terhadap Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 Siri 2, No.1 Tahun 2019 berkaitan pemantapan governans, integriti dan antirasuah dalam sistem pengurusan pentadbiran kerajaan melalui pelaksanaan NACP. Pelancaran NACP disempurnakan oleh Perdana Menteri pada 29 Januari 2019. Matlamat utamanya adalah untuk memastikan pengurusan pentadbiran kerajaan bebas daripada amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan serta mencapai aspirasi nasional "Malaysia dikenali

kerana integriti dan bukannya rasuah". Justeru PLANT DOA ini adalah sebagai *'living document'* utama Jabatan yang menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepadu dalam menangani masalah rasuah, integriti dan tadbir urus dalam negara bagi tempoh lima tahun akan datang (2020-2025). Ia merupakan dokumen penting yang menjadi panduan kepada setiap pegawai dan kakitangan Jabatan bebas rasuah yang mengamalkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti menerusi kecekapan penyampaian perkhidmatan kepada golongan sasar.

Melahirkan warga jabatan yang bebas rasuah dan salah laku melalui penetapan matlamat khusus iaitu meningkatkan kredibiliti dan akauntabiliti dalam proses penyampaian perkhidmatan kepada golongan sasar.



**VISI
OACP**

**MISI
OACP**



Memandu semua warga DOA untuk bersikap dan bertindak selaras dengan inisiatif yang digariskan di dalam pelan ini sebagai usaha untuk mencapai visinya.

Bab 1

Merangkumi latarbelakang organisasi dan pelaksanaan inisiatif dalam usaha Jabatan untuk memerangi rasuah dan memupuk budaya integriti di kalangan warga DOA. Bab ini menyatakan penubuhan Jabatan, fungsi-fungsinya, misi, visi dan pemegang taruhnya.

Bab 2

Memberi tumpuan kepada senario rasuah yang mungkin berlaku pada masa hadapan. Sesi perancangan senario telah dilaksanakan dalam mengenalpasti isu serta mengemukakan cadangan penyelesaian yang praktikal. Bengkel Pembangunan OACP telah dilaksanakan yang mana ia melibatkan keseluruhan Bahagian di bawah DOA dengan bantuan khidmat Institut Integriti Malaysia (IIM) dalam memberi panduan dan halatuju pembangunan pelan ini. Sebanyak tiga (3) strategi telah digariskan di bawah pelan ini.

Bab 3

Tiga (3) bidang keutamaan dalam PLANT DOA iaitu Sektor Pentadbiran Awam, Perolehan Awam dan Penguatkuasaan Undang-Undang. Darpada tiga bidang keutamaan ini, tiga (3) strategi telah dikenalpasti yang membawa tujuh (7) objektif strategik dengan 58 inisiatif yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun akan datang (2020 hingga 2025)

Bab 4

Memfokuskan kepada mekanisme pemantauan dan penilaian. Ini bagi memastikan semua inisiatif yang dilaksana adalah bersesuaian dengan objektif yang dirangka. Ianya juga bagi memastikan jurang dalam pelaksanaan inisiatif supaya setiap apa yang dirancang dapat diselaraskan sewajarnya untuk mencapai hasrat yang ditetapkan. Pelan ini memerlukan komitmen dan kerjasama semua pihak. Ianya akan menjadi panduan terbaik dalam menangani risiko rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa di DOA.

Kesimpulan

Penghargaan

Singkatan

Lampiran





ISI KANDUNGAN

AMANAT KETUA PENGARAH PERTANIAN	4
PERUTUSAN KETUA UNIT INTEGRITI	6
PERNYATAAN KOMITMEN	8
RINGKASAN EKSEKUTIF	9
BAB 1 PENGENALAN	12
1.1 Latar Belakang	
1.2 Dasar Integriti dan Tadbir Urus	
1.3 Pelaksanaan Dasar Integriti dan Tadbir Urus DOA	
1.4 Isu dan Cabaran Menangani Rasuah	
1.5 Penilaian Risiko	
1.6 Bidang-Bidang Berisiko	
BAB 2 SENARIO MASA HADAPAN	26
2.1 Menghubungkan Hari Ini Dengan Masa Hadapan	
2.2 Senario Antirasuah Tahun 2030	
2.3 Matrik Senario : Senario Antirasuah 2030	
2.4 Gambaran Umum dan Matlamat Kebimbangan Bersama	
2.5 Peluang yang Ada	
2.6 Risiko yang Terungkai	
2.7 Perkara yang Perlu Diberi Perhatian	
BAB 3 MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH	38
3.1 Keperluan Kepada Kerangka Jabatan	
3.2 Kerangka PLANT DOA 2020-2025	
3.3 Keutamaan Strategi : Penekanan 20 Inisiatif	
3.4 Bidang Keutamaan PLANT DOA 2020-2025	
BAB 4 TADBIR URUS	82
4.1 Prinsip Pengurusan Antirasuah Jabatan Pertanian	
4.2 Mekanisme Pelaksanaan	
4.3 Kerangka Pelaksanaan PLANT DOA	
4.4 Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan dan Penilaian	
KESIMPULAN	92
PENGHARGAAN	95
SINGKATAN	98
LAMPIRAN	100



Bab 1 PENGENA

ALAN

- 1.1 Latar Belakang
- 1.2 Dasar Integriti dan Tadbir Urus
- 1.3 Pelaksanaan Dasar Integriti dan Tadbir Urus DOA
- 1.4 Isu dan Cabaran Menangani Rasuah
- 1.5 Penilaian Risiko
- 1.6 Bidang-Bidang Berisiko

1.1 LATAR BELAKANG

DOA telah disusun semula dan menumpukan peranannya dalam memberikan khidmat pengembangan terutamanya kepada petani-petani.

Jabatan Pertanian (DOA) telah ditubuhkan pada tahun 1905. Tugas utama DOA pada masa itu adalah untuk melaksanakan dasar-dasar pertanian yang telah digariskan oleh kerajaan. Beberapa enakmen telah diluluskan untuk mempercepatkan pembangunan dan pemeliharaan hak-hak tanah termasuk yang bersangkutan dengan (1) pemansuhan buruh kontrak; (2) pengkhususan tanah untuk kaum bumiputera; (3) penyekatan kemasukan musuh-musuh yang berbahaya; dan (4) pemberian tanah kurang daripada 10 ekar kepada petani-petani sejati bagi tujuan bertani.

Di dalam Perjanjian Persekutuan Malaysia (1974), selaras dengan penubuhan kerajaan-kerajaan negeri, peruntukan telah juga dibuat bagi membolehkan penubuhan Jabatan Pertanian Negeri di tiap-tiap negeri. DOA di setiap negeri telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan program pengembangan untuk memajukan sektor pekebun kecil.

Di peringkat awalnya, DOA tertumpu kepada penyelidikan tanaman, penyediaan pakar-pakar teknikal kepada pengusaha-pengusaha ladang dan perkhidmatan pengembangan kepada pekebun-pekebun kecil. Walaupun DOA bertanggungjawab memajukan semua tanaman ekonomi yang berpotensi, Jabatan juga turut menjalankan aktiviti penting iaitu membangunkan perusahaan getah. Bagaimanapun, menyedari adanya peningkatan permintaan dari industri getah, kerajaan merasakan perlu diletakkan aktiviti penyelidikan getah ini di bawah satu bumbung yang berasingan. Dengan itu Institut Penyelidikan Getah Malaya (RRIM) telah ditubuhkan dalam tahun 1926.

Selepas negara mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957, DOA telah berkembang dengan pesat dan diperkukuhkan. Ia terlibat sepenuhnya dalam bidang penyelidikan, menyediakan khidmat pengembangan dan pemasaran serta pembangunan pertubuhan-pertubuhan peladang. Bagaimanapun, dengan tertubuhnya Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan – FAMA (1965), Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian – MARDI (1970), Lembaga Pertubuhan Peladang – LPP (1973), DOA telah disusun semula dan menumpukan peranannya dalam memberikan khidmat pengembangan terutamanya kepada petani-petani.





VISI

Ke arah mewujudkan industri pertanian yang berdaya saing, pengeluaran produk berkualiti, selamat dan mesra alam serta berorientasi eksport.



MISI

Memberi perkhidmatan berkualiti dan berkesan kepada pengusaha-pengusaha pertanian melalui pengamalan teknologi terkini dan khidmat regulatori pertanian untuk meningkatkan daya pengeluaran serta memastikan keselamatan sektor pertanian negara.

PERKHIDMATAN TERAS

- Perkhidmatan pengembangan teknikal
- Menguatkuasa akta-akta pertanian berkaitan

AKTIVITI DAN BIDANG UTAMA DOA

- Khidmat perundingan dan nasihat teknikal
- Khidmat regulatori
- Khidmat inspektorat (pensijilan dan pengesahan)
- Aduan pelanggan



Pemegang Taruh/*Stakeholders*, Pelanggan dan Golongan Sasar DOA



Pemegang Taruh

- YAB Perdana Menteri
- Ketua Setiausaha Negara
- Jemaah Menteri
- Menteri Besar / Ketua Menteri
- Menteri Kementerian Pertanian & Industri Makanan
- Timbalan Menteri Kementerian Pertanian & Industri Makanan
- Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian & Makanan
- Exco-Exco Pertanian Kerajaan Negeri

Pelanggan Jabatan

- Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan berkaitan
- Badan Berkanun
- Sektor Swasta
- Pengusaha
- Usahawan
- Orang Awam Yang Berminat Dalam Bidang Pertanian
- Badan Bukan Kerajaan (NGO)
- Persatuan-Persatuan Dalam Bidang Pertanian

Golongan Sasar Jabatan

- Pengusaha Projek
- Pengusaha Industri Makanan
- Usahawantani / Industri Makanan
- Sektor Swasta



Aktiviti dan Bidang Utama Jabatan yang Terdedah Kepada Rasuah, Masalah Pelanggaran Integriti dan Tadbir Urus

Tiga (3) bidang utama iaitu:

Pentadbiran

Merangkumi aktiviti pengurusan sumber manusia, kewangan, tadbir urus pengurusan projek, pengurusan aset, dengan berpanduan undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa. Amalan sistem dan tatacara kerja yang diperiksa, ditambahbaik supaya dapat menutup ruang dan peluang rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Perolehan

Melibatkan urusan perolehan barangan, perkhidmatan atau pelaksanaan kerja oleh Jabatan. Peruntukan yang diberikan kepada Jabatan berkaitan dengan perolehan barangan dan perkhidmatan atau pelaksanaan kerja diuruskan melalui proses rundingan terus, tender, sebut harga dan pembelian terus. Jabatan berkemungkinan terdedah kepada amalan-amalan pembaziran, penipuan dan lebih serius lagi rasuah yang disebabkan aliran dan penggunaan wang yang bernilai besar.



Penguatkuasaan



Pengeksportan yang melibatkan bahan pertanian ke luar negara memerlukan Sijil Fitosanitasi (SF)

Melibatkan aktiviti menguatkuasakan akta dan peraturan-peraturan bagi membanteras segala bentuk penyeludupan, penggunaan, penyimpanan, penjualan dan pembelian racun makhluk perosak yang tidak berdaftar serta racun perosak yang telah diharamkan di negara ini. Ini adalah berpandukan kepada perundangan yang termaktub di dalam Akta Racun Makhluk Perosak 1974.

DOA turut menguatkuasakan Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 dan Peraturan-Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981. Pengeksportan yang melibatkan bahan pertanian ke luar negara memerlukan Sijil Fitosanitasi (SF) yang dikeluarkan oleh DOA bagi tujuan mengesahkan bahan yang dieksport adalah bebas perosak dan mematuhi syarat import yang ditetapkan di bawah peraturan tersebut.

Di bawah akta dan peraturan yang sama, DOA juga turut menjalankan pematuhan terhadap beberapa skim pensijilan iaitu Skim Perakuan Pensijilan Fitosanitasi Malaysia (Skim MPCA), Skim Akreditasi Pewasapan (MAFAS) dan Skim Perakuan Rawatan Haba Malaysia (MAHTAS).

DOA juga mengiktiraf ladang yang mengamalkan Amalan Pertanian Baik (APB) dan ladang yang melaksanakan aktiviti pertanian secara organik melalui Pensijilan myGAP dan myOrganic bagi mengeluarkan makanan yang selamat, berkualiti dan menjaga kelestarian alam sekitar. Selain daripada itu DOA juga melaksanakan Skim Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT) dan Skim Pengesahan Benih Padi (SPBP) bagi memastikan bahan tanaman tersebut yang diedar di dalam Malaysia tulen dan berkualiti.

1.2 DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS NASIONAL

Dalam menuju ke arah status negara maju dan berpendapatan tinggi, agenda pembanteras rasuah telah menjadi keutamaan negara. Untuk itu, beberapa inisiatif utama di peringkat nasional telah dibangunkan bermula dengan:



- Pelan Integriti Nasional 2004 (PIN)
- Program Transformasi Kerajaan (GTP)
- Program Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0)
- Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023

1.3 PELAKSANAAN DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS DOA

DOA sentiasa menyokong usaha kerajaan dalam membanteras rasuah. Bagi tujuan ini, Jabatan telah mengambil inisiatif selari dengan dasar dan tadbir urus nasional seperti membangunkan:

- Polisi Tiada Hadiah (2015)
- Kod Etika (2015)
- Pelan Integriti Organisasi (PIO) 2017-2021
- Ikrar Bebas Rasuah (IBR) - 2017
- Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) - 2019
- Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2020 -2025



1.4 ISU DAN CABARAN MENANGANI RASUAH




Bahagian yang berisiko tinggi adalah bahagian yang menjalankan penguatkuasaan, perlesenan, perolehan dan juga bahagian yang terlibat dalam pemberian kuota import tanaman

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merekodkan sebanyak 62 aduan diterima yang mengaitkan warga DOA bagi kesalahan-kesalahan menerima/memberi rasuah, membuat tuntutan palsu dan salah guna kuasa bagi tempoh 2014 sehingga 2019. Manakala bagi tempoh 2017 sehingga 2019 seramai 42 warga DOA telah dikenakan tindakan tatatertib bagi kesalahan-kesalahan tidak hadir bertugas, rasuah, jenayah, salah guna kuasa, dadah dan lain-lain. Antara isu lain yang perlu ditekankan adalah mengenai tuntutan perolehan pembekalan dan perkhidmatan di setiap bahagian yang melaksanakannya di mana kegagalan mematuhi tatacara kewangan telah dikenalpasti.

Sungguh pun jumlah ini adalah kecil berbanding dengan jumlah keseluruhan warga DOA,

namun Jabatan ini tetap perlu mengambil langkah-langkah bagi membendung gejala ini dari berulang dan sebolehnya menjadikan sifar rasuah di organisasi ini. Berdasarkan kepada angka-angka aduan rasuah dan jumlah tindakan tatatertib adalah dikenalpasti perkara ini berlaku disebabkan oleh tadbir urus yang lemah dalam bidang perolehan, bidang penguatkuasaan undang-undang serta pentadbiran. Melalui Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) di DOA, dikenalpasti bahawa bahagian yang berisiko tinggi terdedah kepada gejala rasuah adalah bahagian yang menjalankan penguatkuasaan, perlesenan, perolehan dan juga bahagian yang terlibat secara langsung dalam pemberian kuota import tanaman.

Antara Isu Utama yang Dihadapi oleh DOA Dalam Memerangi Rasuah:



Hukuman yang kurang tegas dan tidak konsisten

Hukuman yang dikenakan kepada pegawai yang didapati bersalah adalah kurang tegas dan tidak konsisten berdasarkan faktor kekurangan pembuktian dan pengaruh pihak berkepentingan. Akibat daripada hukuman yang kurang tegas dan tidak konsisten gagal memberi kesan dalam membendung kesalahan tatakelakuan dan rasuah.

Wujudnya campur tangan dalam pentadbiran kewangan

Karena birokrasi biasanya berlaku dalam proses membuat keputusan terutamanya yang melibatkan kewangan dan perolehan. Pihak yang mencampuri urusan pentadbiran kewangan adalah untuk kepentingan peribadi. Berdasarkan data daripada SPRM dari tahun 2017 hingga 2019, antara kes yang direkodkan adalah melibatkan perolehan contohnya rundingan dengan orang tengah.

Pemantauan dan penguatkuasaan yang kurang berkesan

Pemantauan dan penguatkuasaan adalah penting untuk memastikan semua proses dan prosedur dipatuhi seperti yang diperuntukkan dalam undang-undang sedia ada. Walau bagaimanapun, pelaksanaan aktiviti ini tidak seperti yang diharapkan dimana sering berlaku kekurangan keupayaan untuk memeriksa, mengaudit dan mengkaji semua operasi. Kekurangan sumber tenaga kerja, kemahiran, teknologi, kaedah dan sumber kewangan menjadi faktor kurang keberkesanan usaha pemantauan dan penguatkuasaan.

Perspektif negatif daripada orang awam

Gejala rasuah sekiranya tidak dibendung akan menggambarkan imej negatif terhadap Jabatan sekaligus memberi perspektif yang kurang baik kepada masyarakat umum.



Penggunaan teknologi yang terhad dalam memerangi rasuah



Keterbatasan penggunaan teknologi dalam menangani rasuah perlu diberi perhatian oleh DOA. Ini adalah bagi memastikan isu keperluan strategik teknologi diberi penekanan untuk meningkatkan integriti, kebertanggungjawaban dan ketulusan, khususnya dalam bidang penguatkuasaan, perolehan, perlesenan dan perkhidmatan. Penggunaan teknologi moden penting untuk membendung rasuah di peringkat awal memandangkan teknologi menjadi sebahagian daripada ekosistem, keupayaan dan kemahiran kumpulan rakyat. Namun begitu, dengan peningkatan medium perhubungan, risiko baru akan muncul sama ada dari dalam atau luar seperti ancaman siber.

Kurang penghayatan oleh pihak luar terhadap integriti dan antirasuah

Maklumat yang ada menunjukkan kurangnya penghayatan nilai integriti dan antirasuah dalam kalangan pihak luar yang berurusan dengan pihak Jabatan turut menyumbang kepada statistik rasuah di dalam DOA.

1.5 PENILAIAN RISIKO

CRM merupakan satu proses pengurusan untuk membantu mengenal pasti kelemahan struktur yang mungkin membuka peluang kepada berlakunya rasuah

SPRM bertanggungjawab melaksanakan penarafan risiko agensi bagi menetapkan model Unit Integriti yang bersesuaian. Penarafan risiko agensi awam dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu tinggi, sederhana dan rendah berpandukan situasi gejala rasuah di Jabatan, persepsi rasuah terhadap agensi, dana yang diperuntukkan, laporan aduan rasuah dan salah guna kuasa, jumlah bajet tahunan agensi dan bidang perkhidmatan teras. Berdasarkan analisis penarafan risiko rasuah oleh SPRM, DOA telah diklasifikasikan sebagai agensi berisiko tinggi. Bagi mengenalpasti risiko-risiko itu, pada tahun 2016 DOA telah membangunkan Corruption Risk Management (CRM) yang merupakan satu alat pengurusan (Management Tool) yang boleh membantu mewujudkan sebuah sistem pengurusan yang bercirikan anti rasuah dan mendukung nilai integriti. CRM merupakan satu proses pengurusan untuk membantu mengenal pasti kelemahan struktur yang mungkin membuka peluang kepada berlakunya rasuah, menyediakan rangka kerja untuk mengenal pasti faktor risiko dan penyelesaiannya yang melibatkan semua warga, serta menerapkan elemen pencegahan rasuah dalam rangka tadbir urus yang mantap.

Oleh itu, satu bengkel CRM Siri 1 DOA anjuran Unit Integriti telah diadakan pada 8 hingga 11 Ogos 2016 di Institut Pengurusan Peladang (IPP), Langkawi, Kedah. Manakala Siri II telah diadakan di Pusat Latihan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Camar Laut, Bagan Lalang pada 7 hingga 10 November 2016. Kedua-dua siri ini turut melibatkan seramai 30 peserta dari

kumpulan pengurusan dan professional dan kumpulan sokongan I dan II Gred 48 daripada enam (6) bahagian dan satu (1) seksyen di bawah DOA. Bagi membangunkan OACP ini juga, DOA mengambil langkah secara proaktif dengan melaksanakan satu sesi pemurnian bagi setiap isu CRM sedia ada dan baharu secara *one to one* pada tahun 2019 dengan semua bahagian berkaitan bagi mengklasifikasikan bahagian berisiko tinggi dan bahagian berisiko rendah.

Melalui CRM ini, risiko-risiko rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dapat dikenal pasti dan DOA telah merangka pelan tindakan yang perlu dilaksanakan bagi membendung masalah tersebut. Maklumat dan data lain yang digunakan oleh DOA dalam mengenal pasti risiko rasuah adalah dengan merujuk Laporan SPRM, Laporan Ketua Audit Negara, Laporan Tatatertib Jabatan, Laporan Aduan Jabatan, Laporan Audit Dalam Kementerian, Laporan Tahunan Jabatan dan Laporan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) tahun 2018 dan 2019.

BIDANG-BIDANG BERISIKO

Perolehan Awam

Perolehan awam merujuk kepada pembelian barang, perkhidmatan dan kerja oleh kerajaan dan perusahaan milik awam. Oleh kerana perolehan awam melibatkan sejumlah wang pembayar cukai, kerajaan perlu melaksanakannya dengan cekap agar kepentingan awam dilindungi. Perolehan merupakan salah satu bidang dalam kerajaan yang paling terdedah kepada rasuah dan pelbagai kegiatan haram.

Pentadbiran Sektor Awam

Sektor awam mencakupi pengurusan hal ehwal pentadbiran di bawah kawalan kerajaan. Penyampaian perkhidmatan awam dilihat sebagai faktor penting yang mencerminkan imej negara. Asas bagi sektor pentadbiran awam terletak pada fungsi teras kerajaan untuk memastikan bahawa masyarakat pada umumnya menikmati hak mereka melalui penyampaian perkhidmatan yang disediakan, hasil dasar dan nilai cukai. Adalah perlu untuk mengambil, pendekatan yang lebih luas dan sistematik serta membangunkan dasar yang sesuai dalam menguruskan kecekapan sektor awam demi meningkatkan kebertanggungjawabannya.

Penguatkuasaan Undang-undang

Pelaksanaan penguatkuasaan akta dan peraturan serta pematuhan skim pensijilan yang dikuatkuasakan sering dikaitkan dengan penyalahgunaan kuasa, campur tangan oleh pihak ketiga, kelemahan peruntukan undang-undang di dalam akta dan penguatkuasa yang kurang berintegriti yang akhirnya mendedahkan tugas-tugas penguatkuasaan kepada perlakuan rasuah dan salah guna kuasa. Maka, penguatkuasaan undang-undang perlu diperkasakan dari semasa ke semasa agar ianya lebih telus dan bebas dari sebarang anasir buruk bagi membolehkan semua anggota cawangan penguatkuasa menjalankan tanggungjawab berdasarkan prinsip kedaulatan undang-undang.





“ yang Benar tetap Benar, yang Salah tetap Salah. Pangkat dan Darjat di Hadapan Keadilan Adalah Sama. ”



Bab 2

SENARIO

MASA

HADAPAN

- 2.1 Menghubungkan Hari Ini Dengan Masa Hadapan
- 2.2 Senario Antirasuah Tahun 2030
- 2.3 Matrik Senario : Senario Antirasuah 2030
- 2.4 Gambaran Umum dan Matlamat Kebimbangan Bersama
- 2.5 Peluang yang Ada
- 2.6 Risiko yang Terungkai
- 2.7 Perkara yang Perlu Diberi Perhatian

2.1 MENGHUBUNGKAN HARI INI DENGAN MASA HADAPAN

DOA sedar akan kesan apabila berlakunya intervensi dalam penggubalan dasar Kerajaan. Perubahan semasa dalam konteks sosial dan impaknya dalam menilai semula pendekatan dasar perlu diambil kira demi memastikan inisiatif hari ini masih relevan serta kompetitif pada masa hadapan. Dalam usaha ini diharap semua pegawai dan kakitangan Jabatan khususnya sentiasa berusaha menanam azam dan bersedia mendepani cabaran hidup era norma baharu dalam menangani rasuah.

Berikut merupakan beberapa senario antirasuah 2030 yang dijangka akan memberi kesan besar kepada tadbir urus dan usaha membanteras rasuah:

2.2 SENARIO ANTIRASUAH TAHUN 2030



Perancangan Senario

Penggunaan perancangan senario penting sebagai:

- Mekanisme mengenal pasti peluang-peluang dan ancaman yang melangkaui batasan model-model dan data-data lampau
- Instrumen pengurusan risiko yang penting
- Indikator amaran terhadap keputusan-keputusan yang dibuat dalam pelbagai risiko sebagai alat penilaian untuk menggariskan strategi-strategi intervensi

Senario

Senario berikut mewakili masa hadapan yang berkemungkinan berlaku pasca pelancaran PLANT DOA:

SENARIO KESINAMBUNGAN /CONTINUATION	SENARIO KEKANGAN /LIMITS AND DISCIPLINED	SENARIO PERKEMBANGAN /GROWTH	SENARIO MERUNDUM /DECLINE AND COLLAPSE
Masa hadapan yang mempamerkan kejayaan yang dikecapi melalui kewujudan PLANT DOA tetapi tidak berupaya untuk bertahan atau tidak mapan.	Masa hadapan yang merujuk kepada visi yang digariskan dalam PLANT DOA tidak dapat dicapai ekoran kekangan dalaman dan persekitaran.	Masa hadapan di mana hasil kewujudan PLANT DOA telah menyebabkan anjakan menuju fasa sebuah Jabatan yang beretika dengan mendokong integriti yang tinggi dan berteraskan nilai.	Rasuah menjadi kelaziman dalam kalangan warga Jabatan pemegang taruh sekali gus memperlihatkan sistem sosial runtuh sama sekali tanpa sebarang jalan penyelesaian.

2.3 MATRIK SENARIO: SENARIO ANTIRASUAH 2030

PEROLEHAN AWAM	
S1 SENARIO KESINAMBUNGAN <i>/CONTINUATION</i>	Proses perolehan telah menggunakan teknologi sepenuhnya bagi mengurangkan penglibatan manusia. Walau bagaimanapun, ketelusan boleh dipertikaikan dalam bidang tertentu, masih terdapat tender boleh dirunding walaupun amalan tender terbuka dikuatkuasa. Peranan orang tengah dan pengaruh luar masih wujud dalam proses dan sistem perolehan.
S2 SENARIO KEKANGAN <i>/LIMITS AND DISCIPLINED</i>	Pembangunan dan penggunaan teknologi tidak dapat membanteras rasuah secara efektif dalam perolehan awam. Teknologi tidak menjamin ketelusan dalam pemantauan dan pencegahan amalan rasuah.
S3 SENARIO PERKEMBANGAN <i>/GROWTH</i>	Kerangka tadbir urus yang kukuh dan padu bagi menjamin proses semak dan imbang. Peranan pegawai di Jabatan serta bahagian pentadbiran dapat dilaksanakan dengan teratur bagi mengelakkan ketirisan. Penghayatan nilai integriti oleh pihak luar turut menyumbang kepada persekitaran perniagaan yang sihat.
S4 SENARIO MERUNDUM <i>/DECLINE AND COLLAPSE</i>	Penyalahgunaan kuasa oleh ahli politik yang memegang kuasa perolehan menjadi semakin berleluasa dan tidak terkawal. Ketirisan subsidi bersasar berlaku tanpa kawalan. Saluran pengaduan menjadi tidak lagi berkesan dan capaian kepada perundingan awam juga tidak wujud. Platform teknologi dimanipulasi oleh pihak dalaman.

PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

Tadbir urus yang lebih efektif dengan bantuan penggunaan teknologi maklumat. Jabatan lebih responsif dan mutu perkhidmatan meningkat. Rasuah dan penyalahgunaan kuasa masih wujud disebabkan konflik kepentingan. Isu rasuah masih dianggap sebagai isu teknikal berbanding isu insan.

Tadbir urus yang baik berlaku tetapi terlalu bergantung kepada satu pihak yang meneraju dan bukannya kerjasama secara holistik telah menyebabkan rasuah masih berterusan dalam jangka masa panjang.

Sistem tadbir urus melibatkan penyertaan aktif semua warga kementerian, pemegang taruh dan masyarakat. Penggunaan teknologi untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan serta pengamalan ketelusan dalam membuat keputusan.

Amalan tadbir urus menjadi eksklusif. Karenah birokrasi serta campur tangan politik menjadi sebat dalam penyampaian Perkhidmatan Awam, justeru mempengaruhi dalam membuat keputusan. Ini telah mengakibatkan berlakunya ketidakpatuhan, ketiadaan kawalan dalaman serta kegagalan prosedur pentadbiran.

PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Penyelewengan masih tidak dapat dibendung walaupun laporan rasuah dan salah laku pegawai telah berkurangan. Pelaksanaan PLANT DOA diambil mudah/ remeh di peringkat awal dan masih wujud penguatkuasaan terpilih.

Muncul teknologi atau modus operandi yang baru menyebabkan PLANT DOA kurang berkesan dan tidak selari dengan perkembangan undang-undang, dasar dan polisi baru. Selain itu, PLANT DOA tidak mendapat sokongan sepenuhnya daripada Pengurusan Tertinggi.

Perkembangan undang-undang selari dengan dasar dan polisi baru. PLANT DOA mendapat sekongan sepenuhnya daripada warga Jabatan dan pemegang taruh.

Amalan rasuah yang berleluasa tanpa penguatkuasaan dan tindakan undang-undang mengakibatkan rakyat hilang kepercayaan kepada Kementerian.

2.4 GAMBARAN UMUM MATLAMAT DAN KEBIMBANGAN BERSAMA

Berdasarkan senario antirasuah 2030 yang dibangunkan:

PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

Matlamat bersama mewakili nilai dan prinsip yang memberi cerminan ke atas idea yang diteroka secara bersama dan diutamakan semasa membangunkan senario tersebut. Senario ini merangkumi matlamat dan harapan masa hadapan yang ingin dicapai. Ia memerlukan komitmen jitu dan kolektif daripada warga Jabatan dan Agensi.

- Kejayaan dalam tadbir urus berdasarkan senario antirasuah 2030 yang dibangunkan khususnya berkaitan proses dan struktur.
- Usaha membanteras rasuah yang mampan dan berterusan.
- Kerjasama yang lebih erat antara bahagian dan agensi serta penyelarasan yang lebih teratur.
- Pemupukan nilai dan integriti melalui latihan dan kesedaran di pelbagai peringkat.
- Peranan teknologi dalam meningkatkan ketelusan dan mengekang rasuah.

KEBIMBANGAN BERSAMA

Kebimbangan bersama mencakupi ancaman dan risiko yang diterjemahkan melalui empat senario yang dibangunkan. Sekiranya amalan rasuah tidak ditangani, masa hadapan bakal suram.

- Rasuah berakar umbi, menjadi kebiasaan dan sebahagian daripada budaya.
- Usaha pembaharuan tidak mampan dan tidak dikawalselia.
- Usaha dan agenda antirasuah dipandang remeh oleh pihak berkepentingan.
- Tadbir urus baik dipersendakan.
- Pemantauan dan penguatkuasaan dilihat tidak berkesan kerana tadbir urus yang lemah.
- Pembuatan keputusan yang mengelirukan khususnya berkaitan isu dasar utama.
- Ancaman terhadap privasi dan hak asasi.

2.5 PELUANG YANG ADA



Pembaharuan dasar dalam aspek kandungan atau amalan untuk proses pelaksanaan yang lebih mapan amat penting lantaran mampu mengembalikan keyakinan pelanggan terhadap Jabatan.

Beberapa peluang yang mampu memperkukuh inisiatif antirasuah telah dikenalpasti melalui senario yang dibangunkan.

Penilaian Risiko dan Profil Pada Projek Bahagian meliputi pelbagai mekanisme yang boleh digunakan oleh DOA untuk menjangka kebarangkalian rasuah berlaku secara dalaman mahupun luaran serta kesannya.

Membangunkan Indeks Penilaian Integriti untuk warga DOA mentafsir keupayaan Jabatan mengawal rasuah serta memastikan semua sumber awam dibelanjakan secara bertanggungjawab dan telus.

Penggunaan Sistem Pengurusan Antirasuah atau Sistem Pengurusan Risiko Rasuah. Pelaksanaan secara efektif sistem antisogokan dan piawai berkaitan akan membantu mengurangkan berlakunya risiko sogokan.

Justeru, hal ini akan meyakinkan pemegang taruh bahawa amalan baik berkaitan kawalan antisogokan yang mendapat pengiktirafan nasional telah dilaksanakan.

Reformasi Tadbir Urus. Dasar dan amalan baik dalam Jabatan yang menjadi petunjuk kepada ketelusan dan kebertanggungjawaban. Maka pembaharuan dasar dalam aspek kandungan atau amalan untuk proses pelaksanaan yang lebih mapan amat penting lantaran mampu mengembalikan keyakinan pelanggan terhadap Jabatan.



Penggunaan Sistem Berasaskan Teknologi Untuk Tujuan Analisis Perolehan dapat mengoptimumkan proses serta capaian strategik. Penggunaan teknologi secara berterusan akan memacu penambahbaikan proses, maklumat dan pemahaman yang akhirnya membawa kepada penjimatan.

Memaksimumkan Penglibatan Warga untuk memastikan inklusiviti melalui penubuhan kumpulan pemerhati antirasuah (melalui perundangan dan imuniti) yang melibatkan :

- i. Pengurusan
- ii. Warga Kerja
- iii. Pelanggan
- iv. Pihak Berkepentingan

Nilai Integriti dan Antirasuah oleh Pihak Luar adalah sangat penting bagi mewujudkan persekitaran kerja yang mampan dan lestari.



2.6 RISIKO YANG TERUNGKAI

SENARIO KESINAMBUNGAN
/CONTINUATION

S1

SENARIO KEKANGAN
/LIMIT AND DISCIPLINED

S2

PELUANG YANG ADA

SENARIO PERKEMBANGAN
/GROWTH

S3

SENARIO MERUDUM
/DECLINE AND COLLAPSE

S4



Senario yang dibangunkan turut mengenalpasti risiko berikut :

◀◀ **Data Dan Maklumat Sebagai Komoditi** yang mudah untuk dimanipulasi bagi tujuan kepentingan peribadi.

Peranan Media Digital, Perubahan Perisian dan Perkakasan Lapuk. ▶▶
Pengurusan Jabatan perlu lebih teliti dalam mengendalikan teknologi digital dan ICT. Kegagalan dalam mengendalikannya dengan sempurna boleh mengakibatkan insiden kehilangan data.



◀◀ **Pengaruh Pihak Luar Yang Mendesak** boleh menjejaskan keputusan ketelusan pertimbangan sesuatu keputusan.





◀◀ **Media yang Prejudis** menyebarkan maklumat palsu dan mempengaruhi pendapat awam. Perkara ini terjadi apabila kewartawanan yang bersifat penyiasatan sudah tidak lagi wujud dalam media arus perdana. Wartawan mula cenderung kepada bidang perhubungan awam dan menulis untuk memenuhi kehendak pihak berkepentingan.

Rasuah di Awal Perkhidmatan. Amalan rasuah yang terjadi di kalangan warga Jabatan di peringkat awal perkhidmatan menjadi barah dalam Jabatan. Pengesanan dan pencegahan awal mampu mengawal fenomena ini.



◀◀ **Peranan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Mula Dipersoal.** NGO memainkan peranan untuk memastikan kebertanggungjawaban dalam sesebuah masyarakat. Walau bagaimanapun, peranannya mula dipersoal akibat kelemahan dan kurangnya tadbir urus yang baik. NGO perlu bersedia untuk membangunkan piawaian yang diyakini dan diterima.

Kewujudan “Little Napoleons”. Istilah *Little Napoleons* tercipta lebih sedekad lalu untuk menggambarkan warga Jabatan yang kurang membantu, sombong dan angkuh. Istilah ini boleh dianggap sebagai sindiran atau hinaan kerana Napoleon tidak memiliki ciri-ciri tersebut. Golongan ini boleh terus wujud walaupun dalam sebuah Jabatan yang telah melalui transformasi, melainkan tindakan tegas diambil untuk mengawalinya.



2.7 PERKARA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN

Dengan membangunkan senario antirasuah pada masa hadapan, kewujudan “**Duri Dalam Daging**” dapat dikesan. Justeru, pembuat dasar patut memberi lebih perhatian untuk menghadapinya.

Komplot oleh pihak luar terhadap warga Jabatan berkaitan sebarang projek, program dan tuntutan pembayaran akan mengakibatkan sesuatu kelulusan tidak wajar berlaku.



“**PLANT DOA dilihat hanya sebagai “Hangat-Hangat Tahi Ayam”.**

Kiasan ini digunakan untuk menggambarkan tentang dasar yang tampak hebat tetapi tidak memberi impak. Pemegang taruh merasakan dasar yang diperkenalkan tidak mampu untuk bertahan dalam jangka masa panjang. Senario ini boleh berlaku ketika pertukaran kepimpinan atau pihak yang memperjuangkan agenda antirasuah Jabatan.



Amalan Rasuah Oleh Pengguna, Peniaga dan Pelanggan Jabatan Sebagai Cara Mencapai Matlamat Perniagaan.

Ini boleh berlaku akibat kelemahan nilai integriti penguatkuasaan di samping ketirisan dalam penyampaian perkhidmatan. Situasi ini mengakibatkan keputusan yang diambil dalam pentadbiran bertentangan dengan undang-undang, tidak rasional, tiada pertimbangan jitu serta tidak memenuhi prosedur yang adil.

“**Wahyu**”

Tadbir urus yang baik bergantung kepada sistem semak dan imbang. Namun, tadbir urus yang baik ini sukar untuk direalisasikan akibat daripada pengaruh “wahyu” dalam membuat keputusan. Lebih buruk lagi, dengan ketiadaan mekanisme mengawal pengaruh wahyu, gejala ini akan berterusan.

Jangkaan Ancaman Terhadap Etika, Piawaian dan Integriti

Merujuk kepada ancaman sistematik yang menggugat nilai, etika dan komitmen tadbir urus perkhidmatan awam.







Bab 3

MEMPERKASA

USAHA

PENCEGAHAN

RASUAH

- 3.1 Keperluan Kepada Kerangka Jabatan
- 3.2 Kerangka PLANT DOA 2020-2025
- 3.3 Keutamaan Strategi : Penekanan 20 Inisiatif
- 3.4 Bidang Keutamaan PLANT DOA 2020-2025

3.1 KEPERLUAN KEPADA KERANGKA JABATAN

DOA telah menetapkan tiga bidang keutamaan iaitu;

Sektor

- Pentadbiran Awam
- Perolehan Awam
- Tadbir Urus



Tidak dinafikan, DOA perlu menangani gejala rasuah, salahguna kuasa, penyelewengan dan salahlaku integriti dengan segera dan mewujudkan sistem pentadbiran berintegriti tinggi demi kestabilan organisasi dan kesejahteraan warga Jabatan. Kelekaan dan kecuaiian untuk menangani masalah rasuah dan integriti di dalam Jabatan bukan sahaja boleh menjejaskan imej organisasi malah boleh menyebabkan hasil dan kedaulatan negara tergadai ke tangan pihak yang tidak sewajarnya.

Lantaran itu, Pengurusan Tertinggi DOA telah menetapkan perancangan yang jauh lebih fokus dan berstruktur untuk memastikan warga DOA visi “Ke Arah Membentuk Warga DOA Bebas Rasuah” dapat direalisasikan seiring dengan aspirasi Negara supaya “Malaysia dikenali kerana integriti bukannya rasuah”.

Bagi mencapai matlamat tersebut, DOA telah menetapkan tiga (3) bidang keutamaan iaitu sektor pentadbiran awam dengan memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan, perolehan awam dengan mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam dan penguatkuasaan undang-undang melalui menginstitusikan kredibiliti agensi penguatkuasaan undang-undang bagi menangani risiko rasuah, integriti dan tadbir urus untuk tempoh lima (5) tahun akan datang.



“ Berapa kecil jumlah duit **pasti akan cukup** bila digunakan untuk hidup, tapi berapa banyak jumlah duit tidak akan pernah cukup jika untuk memenuhi **gaya hidup**. ”



3 **BIDANG KEUTAMAAN**

3 **STRATEGI**

7 **OBJEKTIF STRATEGIK**

20 **RISIKO**

58 **PELAN INISIATIF**

47 **JANGKA PENDEK**

2 **JANGKA SEDERHANA**

9 **JANGKA PANJANG**

 **VISI**

 **MISI**

 **MATLAMAT**

 **BIDANG KEUTAMAAN**

 **STRATEGI**

3.2

KERANGKA PLANT DOA 2020-2025

PLANT 2020-2025

KE ARAH MEMBENTUK WARGA DOA BEBAS RASUAH

	KE ARAH MEMBENTUK WARGA DOA BEBAS RASUAH		
	Menegakkan Kedaulatan Undang-Undang	Meningkatkan Kecekapan Ketekunan dan Akuntabiliti Kerajaan Berasaskan Tadbir Urus Baik	Mewujudkan Persekitaran Kerja Bebas Rasuah
	Akauntabiliti dan Kredibiliti Penguatkuasaan Undang-Undang	Kecekapan dan Responsif dalam Penyampaian Perkhidmatan	Integriti Dalam Penyampaian Perkhidmatan
	Sektor Pentadbiran Awam	Perolehan Awam	Penguatkuasaan Undang-Undang
	Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam	Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam	Menginstitusikan Kredibiliti Penguatkuasaan Undang-Undang

ASPIRASI



Jabatan DIKENALI KERANA INTEGRITI DAN BUKANNYA RASUAH

VISI

- Ke Arah Membentuk Warga DOA Bebas Rasuah



Memastikan warga Jabatan mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh serta meningkatkan tahap integriti yang tinggi dalam membendung salah laku dan jenayah rasuah serta pelanggaran tatakelakuan seiring dengan etika Jabatan.

MISI

- Memperkukuhkan Governans, Integriti dan Antirasuah Warga Jabatan Melalui Pematuhan Terhadap Undang-Undang, Peraturan dan Arahan yang Berkuatkuasa



Memastikan Jabatan dapat mengendalikan hal ehwal pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan secara cekap, berkesan, bebas rasuah serta responsif terhadap kehendak pelanggan berlandaskan prinsip, integriti dan kebertanggungjawaban.

MATLAMAT

- Meningkatkan Akauntabiliti dan Kredibiliti dalam Proses Penyampaian Perkhidmatan Jabatan




Mendapatkan kerjasama daripada warga Jabatan dalam membangunkan persekitaran kerja yang kondusif dan bebas daripada salah laku bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang cekap, amanah dan berintegriti.

Kategori Aduan DOA Tahun 2017 Hingga 2019

Berdasarkan Kategori Aduan DOA Tahun 2017 hingga 2019, kategori aduan lain-lain menunjukkan bilangan aduan yang tertinggi iaitu tahun 2017 (35), tahun 2018 (35) dan tahun 2019 (37) dan diikuti oleh kategori ketidakhadiran bertugas iaitu pada tahun 2017 (23), tahun 2018 (16) dan tahun 2019 (17), kategori aduan salahguna kuasa iaitu pada tahun 2017 (21), tahun 2018 (29) dan tahun 2019 (4) dan diikuti dengan kategori rasuah, aduan perolehan, aduan dadah dan kehilangan aset. Secara keseluruhan kes lain-lain menunjukkan peningkatan dari tahun 2017 hingga ke tahun 2019 berbanding kategori aduan yang lain.

Kategori aduan lain-lain merangkumi aduan berkaitan pentadbiran, perkhidmatan penjawat awam, isu teknikal pertanian, sosio ekonomi, projek-projek pertanian serta bantuan pertanian, aduan yang menjurus kepada pengurusan tadbir urus dan amalan sistem kerja yang baik dan juga aduan yang lebih menjurus kepada etika dan personel seseorang pegawai. Selain itu, kategori aduan lain-lain juga merangkumi aduan yang lebih subjektif kepada amalan nilai dan pembudayaan penjawat awam dalam menjalankan kerja seharian seperti aduan tidak puas hati, mohon siasat, penyelewengan, mohon bantuan dan pemberitahuan.




(BILANGAN PEGAWAI)

Sumber:

- Aduan dalaman DOA/ e-integriti
- Aduan dari Kementerian Pertanian dan Industri Makanan/esart
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
- Isu-isu dari mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU)
- Isu-isu dari Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR)
- Isu-isu dari CRM
- Biro Pengaduan Awam

Analisa Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) Bagi Tahun 2012, 2018 dan 2019




Berdasarkan Analisa Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) Bagi Tahun 2012, 2018 dan 2019, Indeks Komposit menunjukkan peningkatan dari tahun 2012 iaitu 73.36 ke 84.23 pada tahun 2019. Indeks Nilai Ideal, Indeks Nilai Organisasi dan Rekod Maklum balas menunjukkan peningkatan secara positif dari tahun 2012, 2018 dan 2019. Peningkatan poin ini menunjukkan bahawa tahap pengamalan nilai di kalangan pegawai dan kakitangan

Jabatan Pertanian adalah di peringkat boleh diterima dengan pelaksanaan aktiviti/ program yang bersesuaian dan bertepatan dengan isu nilai yang dihadapi di Jabatan ini.

Indeks Peribadi dan Rekod Amalan Nilai menunjukkan penurunan poin pada tahun 2019 berbanding tahun 2012 dan tahun 2018. Penurunan ini disebabkan peningkatan kes tatatertib pada tahun 2019.


Kes Tatatertib DOA Tahun 2017 Hingga 2019



Berdasarkan Kes Tatatertib Doa Tahun 2017 Hingga 2019, klasifikasi kesalahan ketidakhadiran bertugas menunjukkan dapatan yang tertinggi bagi tahun 2017 (15) kes, 2018 (5) kes dan 2019 (14) kes berbanding kesalahan lain diikuti oleh kes dadah dengan dapatan

satu kes bagi setiap tahun dan seterusnya. Kesalahan lain-lain merangkumi kes gangguan seksual dan sebagainya. Kedapatan jumlah kes tatatertib tertinggi adalah pada tahun 2017 dan tahun 2019 dengan jumlah kes masing-masing 15 berbanding tahun 2018 hanya 5 kes sahaja.

Kes Tatatertib Mengikut Kumpulan Perkhidmatan dari Tahun 2017 Hingga 2019



Berdasarkan kes tatatertib mengikut kumpulan perkhidmatan 2017 hingga 2019, Kumpulan Perkhidmatan Sokongan II mempunyai dapatan tertinggi bagi bilangan kes tatatertib bagi setiap tahun iaitu 2017 (9) kes, 2018 (5) kes dan 2019 (10) kes dan diikuti dengan Kumpulan Perkhidmatan Sokongan I dan Kumpulan Perkhidmatan Pengurusan dan Profesional.

TEGURAN AUDIT TERHADAP PENGURUSAN PEROLEHAN DAN KEWANGAN DOA



PENGURUSAN PEROLEHAN DAN PEMBAYARAN YANG TIDAK TERATUR

Punca Utama Rasuah

Berdasarkan analisis yang dijalankan serta rekod yang dikumpul dari siasatan yang telah dijalankan mendapati bahawa antara punca berlakunya kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 adalah:




Analisis Kuadran

Analisis kuadran di bawah menggambarkan keutamaan bagi 16 inisiatif yang dikenal pasti daripada 58 inisiatif yang dikenal pasti berdasarkan punca rasuah yang ditemui. 16 inisiatif ini ditentukan berdasarkan analisis tahap impak dan tahap kompleksiti pelaksanaannya. 11 inisiatif yang dikenalpasti berada dalam kelompok Kuadran A (impak tinggi dan kompleksiti rendah-memerlukan sedikit usaha

dalam pelaksanaannya sebaliknya mampu memberi kesan kepada transformasi tadbir urus Jabatan) manakala baki lima (5) inisiatif dikenalpasti berada dalam kelompok Kuadran B (impak tinggi dan kompleksiti tinggi yang memerlukan usaha yang lebih gigih untuk dicapai). Ringkasan 16 inisiatif berkenaan adalah seperti berikut:



STRATEGI 2	02	Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam
STRATEGI 3	03	Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam
STRATEGI 5	05	Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang



Kompleksiti

Kesukaran dan kerumitan dalam pelaksanaan sesuatu inisiatif

Impak

Kesan atau hasil positif yang dicapai melalui pelaksanaan sesuatu inisiatif

Sesi Perbincangan Pembangunan Pelan OACP DOA, 2020 - 2025 Bersama Institut Integriti Malaysia (IIM)





Pembentangan Permohonan Kelulusan Pelantikan Jawatankuasa Pembangunan OACP di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Peringkat DOA Bil 2/2019 pada 9 Julai 2019

Sesi Pemurnian CRM dengan Melibatkan Bahagian Berisiko Tinggi dan Bahagian Berisiko Rendah di Jabatan



**Bengkel Pelan Antirasuah Organisasi Jabatan (OACP) DOA
pada 22-25 Oktober 2019 di RHR Hotel, Bangi**



**Pemurnian Pelan Antirasuah Organisasi Jabatan (OACP)
Peringkat Jabatan Pertanian 10-12 Februari 2020
di D'warf Hotel, Port Dickson**





Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pelan Antirasuah Organisasi Jabatan (OACP) Peringkat DOA 10-12 Februari 2020 Di D'warf Hotel, Port Dickson



Mesyuarat Jawatankuasa Induk OACP Peringkat DOA dan Pembentangan Draf OACP pada 17 Julai 2020



3.3 KEUTAMAAN STRATEGI: PENEKANAN 16 INISIATIF

Ringkasan berikut menunjukkan 16 inisiatif yang perlu diberi keutamaan daripada 58 keseluruhan yang telah dikenal pasti. Ia berdasarkan tiga (3) strategi utama berkaitan integriti, ketelusan dan kebertanggungjawaban, pentadbiran awam, perolehan awam dan penguatkuasaan undang-undang. 16 inisiatif ini dikenalpasti berdasarkan jangkaan impak yang tinggi untuk menangani rasuah.

NO	RUJUKAN INISIATIF	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
1	2.1.5.1	Mewujudkan TOP/ Garis Panduan Siasatan	A	STRATEGI 2
2	2.1.5.2	Mewujudkan Buku Panduan Mengurus dan Melaporkan Tindakan Tata tertib DOA	A	STRATEGI 2
3	3.1.1.1	Melaksanakan dasar pertukaran bagi pelaksanaan pusingan kerja di kalangan pegawai	A	STRATEGI 3
4	3.1.1.5	Mewujudkan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat	B	STRATEGI 3
5	3.1.1.6	Mewajibkan dan memperkasakan pelaksanaan urusan naziran dan pengauditan dalaman dengan mengambil tindakan proaktif bagi setiap tindakan penambahbaikan yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Audit	A	STRATEGI 3
6	3.1.2.1	Melaksanakan <i>Integrity Pact</i>	A	STRATEGI 3
7	5.1.1.1	Mengadakan taklimat berkenaan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 perkara 17A & sesi libat urus (<i>engagement</i>) dengan pelanggan secara berterusan	A	STRATEGI 5
8	5.1.1.3	Penambahbaikan sistem atas talian yang sedia ada bagi aktiviti pendaftaran, pemeriksaan dan penyediaan laporan teknikal bagi racun makhluk perosak.	B	STRATEGI 5



NO	RUJUKAN INISIATIF	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
9	5.1.1.4	Penambahbaikan dan pematuhan TOP untuk aktiviti penguatkuasaan, pendaftaran, pemeriksaan dan penyediaan laporan teknikal. (wajibkan pengisytiharan kepentingan sekiranya ada)	A	STRATEGI 5
10	5.1.4.3	Sesi libat urus bagi menggalakkan pengeksport menyertai Skim Perakuan Pensijilan Fitosanitasi Malaysia (MPCA) -self regulate bagi produk <i>low risk</i> dan produk yang diproses	A	STRATEGI 5
11	5.2.1.3	Memuatnaik di laman sesawang peraturan/ garis panduan mengenai kawalan dan pengeluaran permit/ sijil yang dikuatkuasakan dalam DOA	A	STRATEGI 5
12	5.2.1.4	Melaksanakan Dasar Pertukaran bagi pelaksanaan pusingan kerja di kalangan pegawai	A	STRATEGI 5
13	5.2.2.1	Mewujudkan fasiliti penyimpanan eksibit berteknologi tinggi di setiap zon (utara, tengah, selatan, pantai timur, Sabah dan Sarawak)	B	STRATEGI 5
14	5.2.2.2	Penambahbaikan TOP untuk pengurusan bahan bukti (eksibit)	A	STRATEGI 5
15	5.3.1.3	Membekalkan dan memastikan pemakaian kelengkapan keselamatan peribadi (PPE) untuk pegawai penguatkuasa	B	STRATEGI 5
16	5.4.3.1	Mewujudkan sistem semakan kesahihan sijil secara atas talian	B	STRATEGI 5

A close-up photograph of a hand planting a small, light-colored seed into dark, rich soil. The hand is positioned at the top, with the thumb and index finger carefully holding the seed. Several other seeds are visible in the soil to the right. The background is a soft-focus green, suggesting a natural outdoor setting. The image is overlaid with abstract geometric shapes in green and yellow, and a faint leaf pattern in the bottom left corner.

BIDANG KEUTAMAAN



STRATEGI 2

► Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

-
- 2.1 Merekayasa perkhidmatan awam ke arah tadbir urus yang baik
 - 2.4 Menambahbaik keberkesanan pendidikan dan pembangunan profesional berterusan dalam kalangan pegawai awam melalui program berdasarkan kepada *human governance*
-

FORMAT PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN PELAN ANTIRASUAH DOA

PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

STRATEGI 2

Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

OBJEKTIF STRATEGIK 2.1

Merekayasa Perkhidmatan Awam ke Arah Tadbir Urus Baik

BIL.	RISIKO / POTENSI RISIKO (KELEMAHAN: GOVERNANS, INTEGRITI & ANTI RASUAH)	PUNCA RISIKO	KESAN RISIKO	INISIATIF / TINDAKAN (Tangani / Atasi RISIKO)	UNIT/BAHAGIAN PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
2.1.1	Pegawai menerima suapan/ rasuah semasa menjalankan kerja	- Keterhutangan yang serius - Pendapatan yang tidak mencukupi - Gaya hidup yang mewah - Kegagalan pengurusan kewangan - Pinjaman peribadi tidak terkawal - Pegawai tidak tahu dan kurang faham etika kerja - Pengaruh rakan sekerja - Tidak amanah dalam menjalankan tugas - Kecuaian penyelia/ Ketua Jabatan - Ruang dan peluang di atas jawatan/ tanggungjawab yang disandang	- Imej Jabatan tercalar - Kurang kepercayaan orang awam kepada Jabatan - Tekanan perasaan - Prestasi kerja terjejas - KPI tidak tercapai	2.1.1.1 Mengadakan Kursus Pengurusan Kewangan kepada kakitangan Jabatan 2.1.1.2 Mewujudkan Modul Latihan bagi Pemantapan Etika Pegawai Jabatan 2.1.1.3 Melaksanakan Modul Latihan bagi Pemantapan Etika Pegawai Jabatan 2.1.1.4 Mengadakan sesi kaunseling untuk pegawai/ kakitangan yang bermasalah 2.1.1.5 Pemantauan pelaksanaan TOP /Garis Panduan bagi kerja atau tugas 2.1.1.6 Melaksanakan Dasar Pertukaran bagi pelaksanaan pusingan kerja di kalangan pegawai 2.1.1.7 Merujuk kes-kes pegawai menerima suapan/ rasuah kepada SPRM 2.1.1.8 Hebahan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Negara (KSN) mengenai Garis Panduan Pengiktirafan kepada Penjawat Awam yang Melaporkan Pemberian atau Penerimaan Rasuah.	BPMI BPMI BPMI BPMI (AKRAB) BPS BK/ BPMI UI BK	(1 kali setahun) September 2020-Ogos 2025 (1 kali setahun) September-Okt 2020 (6 kali setahun) September 2020- 2025 (3 kali setahun) September 2020-Ogos 2025 (3 kali setahun) September 2020-Ogos 2025 (2 kali setahun) September 2020-Ogos 2025 September 2020- Ogos 2025 (1 kali setahun) September 2020-Ogos 2025

FORMAT PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN PELAN ANTIRASUAH DOA

PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

STRATEGI 2

Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

OBJEKTIF STRATEGIK 2.1

Merekayasa Perkhidmatan Awam ke Arah Tadbir Urus Baik

BIL.	RISIKO / POTENSI RISIKO (KELEMAHAN: GOVERNANS, INTEGRITI & ANTI RASUAH)	PUNCA RISIKO	KESAN RISIKO	INISIATIF / TINDAKAN (Tangani / Atasi RISIKO)	UNIT/BAHAGIAN PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
2.1.2	Kegagalan memenuhi Piagam Pelanggan menyebabkan KPI Jabatan tidak tercapai	1. Kemudahan dan kelengkapan yang tidak mencukupi 2. Maklumat dan dokumen tidak terkini 3. Bebanan kerja yang banyak 4. Perjawatan tidak diisi 5. Pegawai tidak menjalankan tugas dan arahan 6. Penyelia tidak memantau dan tidak mengambil tindakan 7. Pengagihan kerja tidak sekata	1. Keputusan tidak dapat dibuat dalam masa yang ditetapkan 2. Imej Jabatan tercalar 3. Kurang kepercayaan <i>stake-holder</i> kepada Jabatan	2.1.2.1 Mengesyorkan tambahan peruntukan untuk perolehan kemudahan dan kelengkapan makmal, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan pejabat. 2.1.2.2 Kajian Semula Piagam Pelanggan supaya sentiasa relevan dengan Jabatan dan pelanggan. 2.1.2.3 Memperkemaskan kaedah pemantauan dan pematuhan Piagam Pelanggan bagi mencapai standard yang ditetapkan secara berkala	BK BPS BPS	(1 kali setahun) September 2020-Ogos 2025 (1 kali setahun) September 2020- Ogos 2025 (4 kali setahun) September 2020- Ogos 2025

FORMAT PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN PELAN ANTIRASUAH DOA

PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

STRATEGI 2

Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

OBJEKTIF STRATEGIK 2.1

Merekayasa Perkhidmatan Awam ke Arah Tadbir Urus Baik

BIL.	RISIKO / POTENSI RISIKO (KELEMAHAN: GOVERNANS, INTEGRITI & ANTI RASUAH)	PUNCA RISIKO	KESAN RISIKO	INISIATIF / TINDAKAN (Tangani / Atasi RISIKO)	UNIT/BAHAGIAN PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
2.1.3	Penyalahgunaan kuasa dalam tadbir urus Jabatan Pertanian (penentuan penerima insentif/ projek Jabatan/ agihan aset/ pemilihan pelajar IP/ perunding dan yang berkaitan)	1. Penyalahgunaan kuasa disebabkan pengaruh daripada pegawai tertentu 2. Hubungan kekeluargaan 3. Hubungan rapat dengan pihak atasan 4. Kepentingan Peribadi 5. Menerima suapan 6. Terhutang budi 7. Tidak jujur/ amanah 8. Penempatan pegawai yang terlau lama di satu Bahagian/ Unit (keselesaian penempatan)	1. Imej Jabatan tercalar 2. Kurang kepercayaan orang awam kepada Jabatan 3. Tidak adil 4. Kurang kepercayaan orang awam kepada Jabatan 5. Imej Jabatan tercalar 6. Ketidaktelusan dalam urusan perolehan	2.1.3.1 Memperkemaskan TOP/ Garis Panduan bagi Jawatan Kuasa Pemilihan 2.1.3.2 Pemantauan dan pematuhan TOP/ Garis Panduan bagi Jawatan Kuasa Pemilihan 2.1.3.3 Melaksanakan Dasar Pertukaran bagi pelaksanaan pusingan kerja di kalangan pegawai	BPS BPS BK/ BPMI	(2 kali / 5 tahun) September 2020- Ogos 2025 (3 kali setahun) September 2020- Ogos 2025 (2 kali setahun) September 2020- Ogos 2025
2.1.4	Penyalahgunaan kuasa dalam tadbir urus Jabatan Pertanian (pingat/ APC/ Kenaikan pangkat/ LNPT/ kemudahan dan kelengkapan pejabat dan yang berkaitan)	1. Wujudnya <i>Blue Eye Boy</i> (anak emas) kepada pegawai atasan 2. Hubungan rapat dengan pihak atasan 3. Penyalahgunaan kuasa disebabkan pengaruh daripada pegawai tertentu	1. Hilang peluang kepada orang yang lebih berkeelayakan 2. Tidak adil 3. Wujudnya ketidakharmonian dalam organisasi	2.1.4.1 Taklimat Penilaian LNPT kepada pegawai-pegawai penilai 2.1.4.2 Melaksanakan Modul Latihan bagi Pemantapan Etika Pegawai Jabatan 2.1.4.3 Mewujudkan dan melaksanakan dasar pertukaran bagi pelaksanaan pusingan kerja di kalangan pegawai	BPMI BPMI BK/ BPMI	(2 kali setahun) September 2020- Ogos 2025 (6 kali setahun) Oktober 2020- 2025 (2 kali setahun) September 2020- Ogos 2025

FORMAT PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN PELAN ANTIRASUAH DOA

PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

STRATEGI 2

Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

OBJEKTIF STRATEGIK 2.1

Merekayasa Perkhidmatan Awam ke Arah Tadbir Urus Baik

BIL.	RISIKO / POTENSI RISIKO (KELEMAHAN: GOVERNANS, INTEGRITI & ANTI RASUAH)	PUNCA RISIKO	KESAN RISIKO	INISIATIF / TINDAKAN (Tangani / Atasi RISIKO)	UNIT/BAHAGIAN PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
		4. Hubungan kekeluargaan 5. Kepentingan peribadi 6. Menerima suapan 7. Terhutang budi 8. Penempatan pegawai yang terlalu lama di satu Bahagian/ Unit (keselesaian penempatan)		2.1.4.4 Mewujudkan TOP Pencalonan Penganugerahan dan Pengiktirafan pegawai dan Kakitangan DOA	BK	September - Oktober 2020
2.1.5	Wujudnya ancaman terhadap pegawai yang mengendalikan siasatan/ kes tatatertib	1. Kepentingan peribadi. 2. Kepentingan pihak-pihak tertentu 3. Arahan pihak atasan	1. Kes tergantung/tidak selesai 2. Tiada tindakan selanjutnya (NFA) 3. Imej Jabatan terjejas 4. Mempengaruhi rakan sekerja yang lain 5. Keraguan terhadap rakan sekerja	2.1.5.1 Mewujudkan TOP Garis Panduan Siasatan 2.1.5.2 Mewujudkan Buku Panduan Mengurus dan Melaporkan Tindakan Tatatertib DOA 2.1.5.3 Mengadakan program pemantapan kemahiran siasatan kepada pegawai penyiasat 2.1.5.4 Melengkapkan kemudahan dan kelengkapan siasatan	- UI - UI - UI - UI/ BK	- September 2020 - Februari 2021 - September 2020 - Februari 2021 (1 kali setahun) September 2020- Ogos 2025 - September 2020- Ogos 2025

FORMAT PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN PELAN ANTIRASUAH DOA

PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

STRATEGI 2

Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

OBJEKTIF STRATEGIK 2.4

Menambahbaik Keberkesanan Pendidikan dan Pembangunan Profesional Berterusan Dalam Kalangan Pegawai Awam Melalui Program Berdasarkan Kepada *Human Governance*

BIL.	RISIKO / POTENSI RISIKO (KELEMAHAN: GOVERNANS, INTEGRITI & ANTI RASUAH)	PUNCA RISIKO	KESAN RISIKO	INISIATIF / TINDAKAN (Tangani / Atasi RISIKO)	UNIT/BAHAGIAN PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
2.4.1	Peningkatan kes salahlaku melibatkan pegawai Jabatan Pertanian	1. Kurang kesedaran 2. Tidak ada ketegasan dalam menjalankan tugas 3. Kepentingan peribadi. 4. Ketua Jabatan/ penyelia tidak memahami prosedur untuk mengambil tindakan terhadap pegawai yang bermasalah	1. Bebanan kerja kepada pegawai lain 2. KPI tidak tercapai 3. Kualiti kerja tidak tercapai 4. Kesan negatif terhadap rakan sekerja 5. Kerugian kepada Kerajaan	2.4.1.1 Melaksanakan Modul Latihan bagi Pemantapan Etika Pegawai Jabatan 2.4.1.2 Mengadakan sesi kaunseling untuk pegawai/kakitangan yang bermasalah 2.4.1.3 Mewujudkan Buku Panduan Mengurus dan Melaporkan Tindakan Tatatertib Jabatan Pertanian 2.4.1.4 Melaksanakan naziran mengejut 2.4.1.5 Menambahbaik Garis Panduan Pelaksanaan Projek Pembangunan Di Bawah Peruntukan Persekutuan Jabatan Pertanian 2.4.1.6 Mewujudkan TOP Pengurusan Tabung Pelajar	BPMI BPMI (AKRAB) UI UI/ BK BPS/ BPPIAT BPMI	(6 kali setahun) September 2020- Ogos 2025 (3 kali setahun) September 2020- Ogos 2025 September 2020- Februari 2021 (3 kali setahun) September 2020- Ogos 2025 (1 kali/ 5 tahun) September 2020- Ogos 2025 September – Oktober 2020



STRATEGI 3

► Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam

3.1 Memperkukuhkan kerangka perolehan awam

FORMAT PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN PELAN ANTIRASUAH DOA

PEROLEHAN AWAM

STRATEGI 3

Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam

OBJEKTIF STRATEGIK 3.1

Memperkukuhkan Kerangka Perolehan Awam

BIL.	RISIKO / POTENSI RISIKO (KELEMAHAN: GOVERNANS, INTEGRITI & ANTI RASUAH)	PUNCA RISIKO	KESAN RISIKO	INISIATIF / TINDAKAN (Tangani / Atasi RISIKO)	UNIT/BAHAGIAN PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
3.1.1	Wujudnya campur tangan pihak berkepentingan dalam mempengaruhi keputusan Lembaga Tender/ Sebut harga	- Pegawai yang menguruskan perolehan berkhidmat terlalu lama di tempat yang sama - Jangkamasa berbelanja yang terhad - Pegawai tidak berintegriti - Kawalan dalaman yang longgar - Penyelia tidak mahir dalam menangani campur tangan pihak berkepentingan	- Imej organisasi terjejas - Akauntabiliti dan tanggungjawab pegawai Jabatan tercalar - Kerugian kepada kerajaan - Mutu bekalan/ perkhidmatan tidak mencapai piawaian dan menyebabkan penyampaian perkhidmatan tidak berkesan	3.1.1.1 Melaksanakan Dasar Pertukaran bagi pelaksanaan pusingan kerja di kalangan pegawai 3.1.1.2 Menyediakan perancangan perolehan dan pemantauan perbelanjaan 3.1.1.3 Memastikan urusan perolehan melalui tender, sebut harga dan pembelian terus di kalangan pembekal dilaksanakan secara berintegriti, telus, adil dan terbuka dengan berpanduan kepada: - Garis Panduan Tatacara Perolehan Kerajaan (Arahan Perbendaharaan) - Garis panduan pengendalian surat- surat sokongan daripada pemimpin kerajaan, individu berpengaruh atau mana-mana orang mengenai sesuatu urusan kerajaan <i>Integrity Pact</i> yang ditandatangani oleh Penjawat Awam, Ahli Jawatankuasa, Ahli Lembaga, Pembida dan Perunding yang terlibat dalam urusan Perolehan Kerajaan - Surat Aku Janji di dalam setiap Tatacara Operasi Piawai (TOP) atau Garis Panduan yang telah diluluskan oleh Pengurusan Tertinggi	BK BK BK BK BPS	(2 kali setahun) September 2020 – Ogos 2025 (1 kali setahun) September 2020 – Ogos 2025 September 2020 – Ogos 2025 September 2020 – Ogos 2025 September 2020 – Ogos 2025

FORMAT PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN PELAN ANTIRASUAH DOA

PEROLEHAN AWAM

STRATEGI 3

Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam

OBJEKTIF STRATEGIK 3.1

Memperkuatkan Kerangka Perolehan Awam

BIL.	RISIKO / POTENSI RISIKO (KELEMAHAN: GOVERNANS, INTEGRITI & ANTI RASUAH)	PUNCA RISIKO	KESAN RISIKO	INISIATIF / TINDAKAN (Tangani / Atasi RISIKO)	UNIT/BAHAGIAN PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
				e) Mana-mana Garis Panduan dan Surat Pekeliling Perolehan yang berkuatkuasa pada masa itu	BK	September 2020 – Ogos 2025
				3.1.1.4 Mewajibkan penglibatan pegawai perolehan untuk menghadiri latihan-latihan pengukuhan kemahiran penggunaan sistem dan prosedur kerja, etika kerja dan integriti	BPMI/ BK	(1 kali setahun) September 2020 – Ogos 2025
				3.1.1.5 Mewujudkan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat	UI	September 2020 – Ogos 2022
				3.1.1.6 Mewajibkan dan memperkasakan pelaksanaan urusan naziran dan pengauditan dalaman dengan mengambil tindakan proaktif bagi setiap tindakan penambahbaikan yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Audit	BK	(1 kali setahun) September 2020 – Ogos 2025

FORMAT PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN PELAN ANTIRASUAH DOA

PEROLEHAN AWAM

STRATEGI 3

Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam

OBJEKTIF STRATEGIK 3.2

Memperkuatkan Kerangka Perolehan Awam

BIL.	RISIKO / POTENSI RISIKO (KELEMAHAN: GOVERNANS, INTEGRITI & ANTI RASUAH)	PUNCA RISIKO	KESAN RISIKO	INISIATIF / TINDAKAN (Tangani / Atasi RISIKO)	UNIT/BAHAGIAN PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
3.1.2	Kebocoran maklumat anggaran harga tender/ sebut harga Jabatan kepada pihak yang berkepentingan	1. Wujudnya tawaran sogokan/rasuah di kedua-dua belah pihak kerana mempunyai kepentingan 2. Pegawai dan pembekal tidak berintegriti 3. Salinan dokumen tender/ sebut harga tanpa kawalan 4. Penyalahgunaan teknologi 5. TOP sedia ada tidak dipatuhi	1. Imej dan reputasi Jabatan terjejas 2. Kepercayaan umum merosot 3. Pembekal membekal barangan dan perkhidmatan tidak menepati spesifikasi yang ditetapkan 4. Kerugian kepada Kerajaan disebabkan harga yang terlalu tinggi	3.1.2.1 Melaksanakan <i>Integrity Pact</i> 3.1.2.2 Menyelaras penganjuran kursus berkaitan keselamatan dan kerahsiaan Kerajaan 3.1.2.3 Melaksanakan sepenuhnya Surat Arahan Larangan Penggunaan Telefon Bimbit atau Lain-lain Peralatan Komunikasi Dalam Mesyuarat Kerajaan (daripada Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan KPKK(R) 600-1/1JLD.2(3) bertarikh 31 Januari 2019) yang melibatkan Mesyuarat Perolehan, Jawatankuasa Pemilihan, Penguatkuasaan dan Siasatan 3.1.2.4 Melaksanakan Modul Latihan bagi Pemantapan Etika Pegawai Jabatan 3.1.2.5 Mengadakan taklimat Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) kepada pegawai dan kakitangan Jabatan	- BK - UI - BK - BPMI - BK	- September 2020 – Ogos 2025 (1 kali setahun) September 2020 – Ogos 2025 - September 2020 – Ogos 2025 (6 kali setahun) September 2020 – Ogos 2025 (1 kali setahun) September 2020 – Ogos 2025



STRATEGI 5

► Menginstitusikan Kredibilitas Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang

-
- 5.1 Meningkatkan kecekapan dan pengamalan profesionalisme dalam agensi penguatkuasa undang-undang
 - 5.2 Keperluan penggunaan teknologi tinggi dalam penguatkuasaan undang-undang
 - 5.3 Memperkukuhkan agensi penguatkuasaan undang-undang
 - 5.4 Menambahbaik perundangan dan penguatkuasaan undang-undang
-

FORMAT PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN PELAN ANTIRASUAH DOA

PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

STRATEGI 5

Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang

OBJEKTIF STRATEGIK 5.1

Meningkatkan Kecekapan dan Pengamalan Profesionalisme dalam Agensi Penguatkuasa Undang-Undang

BIL.	RISIKO / POTENSI RISIKO (KELEMAHAN: GOVERNANS, INTEGRITI & ANTI RASUAH)	PUNCA RISIKO	KESAN RISIKO	INISIATIF / TINDAKAN (Tangani / Atasi RISIKO)	UNIT/BAHAGIAN PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
5.1.1	Pemalsuan maklumat dalam aktiviti permohonan <i>APPROVED PERMIT</i> (AP), penguatkuasaan, pendaftaran, pemeriksaan dan penyediaan laporan teknikal	- Mendapat desakan dari pelanggan <i>Conflict of interest</i> – mempunyai kepentingan peribadi - Tidak mematuhi prosedur dan TOP yang telah ditetapkan - Kurangnya integriti pegawai	- Kegagalan dalam aktiviti penguatkuasaan - Kredibiliti pegawai penguatkuasa dan imej Jabatan terjejas - Kerugian kepada kerajaan dan negara - Menjejaskan kualiti dan keselamatan makanan negara - Pencemaran alam sekitar dan ancaman kepada janaplasma - Risiko serangan perosak dan penyakit - Hilang kepercayaan pihak pelanggan/ masyarakat kepada perkhidmatan awam	5.1.1.1 Mengadakan taklimat berkenaan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 perkara 17A dan sesi libat urus / <i>engagement</i> dengan pelanggan secara berterusan 5.1.1.2 Melaksanakan Dasar Pertukaran bagi pelaksanaan pusingan kerja di kalangan pegawai 5.1.1.3 Penambahbaikan sistem atas talian yang sedia ada bagi aktiviti pendaftaran, pemeriksaan dan penyediaan laporan teknikal bagi racun makhluk perosak 5.1.1.4 Penambahbaikan dan pematuhan TOP untuk aktiviti penguatkuasaan, pendaftaran, pemeriksaan dan penyediaan laporan teknikal. (Mewajibkan pengisytiharan kepentingan sekiranya ada) 5.1.1.5 Melaksanakan Modul Latihan bagi Pemantapan Etika Pegawai Jabatan	BBT/BKRPB/BPIT /BKKT BK/ BPMI BKRPB/ BPS BPS/BKRPB/BBT /BKKT BPMI	(1 kali setahun) September 2020 – Ogos 2025 (2 kali setahun) September 2020 – Ogos 2025 (2 kali/ 5 tahun) September 2020 – Ogos 2025 (3 kali setahun) September 2020 – Ogos 2025 (6 kali setahun) September 2020 – Ogos 2025

FORMAT PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN PELAN ANTIRASUAH DOA

PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

STRATEGI 5

Menginstitutiskan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang

OBJEKTIF STRATEGIK 5.1

Meningkatkan Kecekapan dan Pengamalan Profesionalisme dalam Agensi Penguatkuasa Undang-Undang

BIL.	RISIKO / POTENSI RISIKO (KELEMAHAN: GOVERNANS, INTEGRITI & ANTI RASUAH)	PUNCA RISIKO	KESAN RISIKO	INISIATIF / TINDAKAN (Tangani / Atasi RISIKO)	UNIT/BAHAGIAN PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
5.1.2	Kebocoran maklumat semasa operasi penguatkuasaan yang menyebabkan operasi pemeriksaan dan penguatkuasaan tidak mencapai matlamat	1. Mendapat desakan dari pelanggan 2. <i>Conflict of interest</i> – mempunyai kepentingan peribadi 3. Kurangnya integriti pegawai 4. Tidak mematuhi prosedur dan TOP yang telah ditetapkan	1. Ketirisan maklumat dalam aktiviti penguatkuasaan 2. Kredibiliti pegawai penguatkuasa dan imej Jabatan terjejas 3. Kerugian kepada kerajaan dan negara 4. Menjejaskan keselamatan makanan negara 5. Pencemaran alam sekitar dan ancaman kepada janaplasma	5.1.2.1 Mengadakan taklimat berkenaan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 perkara 17A dan sesi engagement dengan pelanggan secara berterusan 5.1.2.2 Melaksanakan Dasar Pertukaran bagi pelaksanaan pusingan kerja di kalangan pegawai 5.1.2.3 Tindakan tatatertib kepada pembocor maklumat 5.1.2.4 Mengadakan taklimat Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) kepada semua pegawai dan kakitangan 5.1.2.5 Penambahbaikan dan pematuhan TOP untuk aktiviti penguatkuasaan *Mewajibkan pengisytiharan kepentingan sekiranya ada dan dimasukkan Surat Arahan Larangan Penggunaan Telefon Bimbit atau Lain-lain Peralatan Komunikasi Dalam Mesyuarat Kerajaan (daripada Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan KPKK(R) 600-1/1JLD.2(3) bertarikh 31 Januari 2019) di dalam TOP	BBT/BKRPB/ BPIT/BKKT BPMI/ BK UI UI BPS/ BKRPB	(1 kali setahun) September 2020 – Ogos 2025 (2 kali setahun) September 2020 – Ogos 2025 September 2020 – Ogos 2025 (1 kali setahun) September 2020 – Ogos 2025 September 2020 – Ogos 2025

FORMAT PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN PELAN ANTIRASUAH DOA

PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

STRATEGI 5 Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang

OBJEKTIF STRATEGIK 5.1 Meningkatkan Kecekapan dan Pengamalan Profesionalisme dalam Agensi Penguatkuasa Undang-Undang

BIL.	RISIKO / POTENSI RISIKO (KELEMAHAN: GOVERNANS, INTEGRITI & ANTI RASUAH)	PUNCA RISIKO	KESAN RISIKO	INISIATIF / TINDAKAN (Tangani / Atasi RISIKO)	UNIT/BAHAGIAN PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
5.1.3	Ketidakpatuhan TOP dalam aktiviti kelulusan (AP), pendaftaran racun makhluk perosak, pendaftaran ladang dan fasiliti, pemeriksaan konsainan eksport dan penetapan syarat import serta aktiviti penguatkuasaan	1. Mendapat desakan dari pelanggan 2. Kurangnya integriti pegawai 3. Kurangnya kompetensi pegawai. 4. TOP yang tidak difahami, tidak jelas dan longgar	1. Ketirisan dalam aktiviti penguatkuasaan 2. Kredibiliti pegawai penguatkuasa dan imej Jabatan terjejas 3. Kerugian kepada kerajaan dan negara. 4. Menjejaskan kualiti dan keselamatan makanan negara 5. Menjejaskan imej negara/ kepercayaan dipihak negara rakan dagang (<i>trading partner</i>)	5.1.3.1 Mengadakan taklimat dan sesi libat urus dengan pelanggan secara berterusan 5.1.3.2 Melaksanakan Dasar Pertukaran bagi pelaksanaan pusingan kerja di kalangan pegawai 5.1.3.3 Memberi taklimat TOP kepada semua pegawai baru 5.1.3.4 Meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pegawai (<i>capacity building</i>) dalam bidang teknikal yang berkaitan 5.1.3.5 Penambahbaikan dan pematuhan TOP untuk aktiviti penguatkuasaan	- BBT/BKKT/BPIT /BKRPB - BK/ BPMI - BPIT/BBT/ BKRPB - BPMI - BPIT/BBT/ BKKT/BKRPB	(1 kali setahun) September 2020 – Ogos 2025 (2 kali setahun) September 2020 – Ogos 2025 (1 kali setahun) September 2020 – Ogos 2025 (3 kali setahun) September 2020 – Ogos 2025 (3 kali setahun) September 2020 – Ogos 2025

FORMAT PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN PELAN ANTIRASUAH DOA

PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

STRATEGI 5

Menginstitutionkan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang

OBJEKTIF STRATEGIK 5.1

Meningkatkan Kecekapan dan Pengamalan Profesionalisme dalam Agensi Penguatkuasa Undang-Undang

BIL.	RISIKO / POTENSI RISIKO (KELEMAHAN: GOVERNANS, INTEGRITI & ANTI RASUAH)	PUNCA RISIKO	KESAN RISIKO	INISIATIF / TINDAKAN (Tangani / Atasi RISIKO)	UNIT/BAHAGIAN PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
5.1.4	Pakatan rasuah antara pegawai dan pemohon/ pelanggan bagi tujuan permohonan (AP), penguatkuasaan dan pendaftaran racun makhluk perosak, pendaftaran ladang dan fasiliti eksport permohonan sijil fitosanitasi, permit CITES, skim MPCA, skim MAHTAS dan skim MAFAS, Skim pengesahan benih padi sah, myGAP dan myOrganik	1. <i>Conflict of interest</i> – mempunyai kepentingan peribadi 2. Mendapat desakan daripada pelanggan 3. Kurangnya integriti pegawai 4. Kurangnya kompetensi pegawai 5. Kekurangan kakitangan dan tambahan beban kerja 6. Tidak mematuhi prosedur dan TOP yang telah ditetapkan	1. Ketirisan dalam aktiviti penguatkuasaan 2. Kredibiliti pegawai penguatkuasa dan imej Jabatan terjejas 3. Kerugian kepada kerajaan dan negara 4. Menjejaskan kualiti dan keselamatan makanan negara 5. Menjejaskan imej negara/ kepercayaan dipihak negara rakan dagang (<i>trading partner</i>)	5.1.4.1 Mengadakan taklimat berkenaan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 perkara 17A dan sesi libat urus pegawai dengan pelanggan secara berterusan termasuk silibus modul integriti contohnya Hari Bertemu Pelanggan 5.1.4.2 Menguatkuasa pusingan kerja secara mandatori yang ditempatkan di bahagian yang berisiko 5.1.4.3 Sesi libat urus bagi menggalakkan pengeksporth menyertai Skim Perakuan Pensijilan Fitosanitasi Malaysia (MPCA) -<i>self regulate</i> bagi produk <i>low risk</i> dan produk yang diproses 5.1.4.4 Penambahbaikan dan pematuhan TOP untuk aktiviti penguatkuasaan, pendaftaran, pemeriksaan dan penyediaan laporan teknikal. (Mewajibkan pengisytiharan kepentingan sekiranya ada)	BBT/BKRPB/ BPIT/BKKT BK/ BPMI BBT BPIT/BBT BKRPB/BKKT /BPIAT	(1 kali setahun) September 2020 – Ogos 2025 (2 kali setahun) September 2020 – Ogos 2025 (2 kali setahun) September 2020 – Ogos 2025 (3 kali setahun) September 2020 – Ogos 2025

FORMAT PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN PELAN ANTIRASUAH DOA
 PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

STRATEGI 5		Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang				
OBJEKTIF STRATEGIK 5.2		Keperluan Penggunaan Teknologi Tinggi dalam Penguatkuasaan Undang-Undang				
BIL.	RISIKO / POTENSI RISIKO (KELEMAHAN: GOVERNANS, INTEGRITI & ANTI RASUAH)	PUNCA RISIKO	KESAN RISIKO	INISIATIF / TINDAKAN (Tangani / Atasi RISIKO)	UNIT/BAHAGIAN PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
5.2.2	Kelemahan dalam pengurusan bahan bukti (eksibit)	1. Ketiadaan peralatan/fasiliti/ aset/ kompleks penyimpanan eksibit yang sesuai dan selamat 2. Sumber kewangan yang terhad dan prosedur perolehan bagi menyediakan dan menyelenggara stor 3. Stor tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan 4. Kurang pegawai penguatkuasaan yang kompeten	1. Kehilangan dan kerosakan barang kes 2. Jabatan terdedah dengan saman oleh pihak Orang Kena Siasat/ Saman (OKS) 3. Kredibiliti pegawai penguatkuasa dan imej Jabatan terjejas 4. Kerugian kepada kerajaan dan negara 5. Pencemaran alam sekitar dan ancaman kepada janaplasma	5.2.2.1 Mewujudkan fasiliti penyimpanan eksibit di setiap zon (utara, tengah, selatan, pantai timur, Sabah dan Sarawak) 5.2.2.2 Penambahbaikan TOP untuk pengurusan bahan bukti (eksibit) 5.2.2.3 Melaksanakan Modul Latihan bagi Pemantapan Etika Pegawai Jabatan kepada pegawai lantikan baharu	BKRPB BBT/BKRPB BPMI	September 2020-Ogos 2025 September 2020-Feb 2021 (6 kali setahun) September 2020 Ogos 2025

FORMAT PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN PELAN ANTIRASUAH DOA

PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

STRATEGI 5

Menginstitutiskan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang

OBJEKTIF STRATEGIK 5.3

Memperkukuhkan Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang

BIL.	RISIKO / POTENSI RISIKO (KELEMAHAN: GOVERNANS, INTEGRITI & ANTI RASUAH)	PUNCA RISIKO	KESAN RISIKO	INISIATIF / TINDAKAN (Tangani / Atasi RISIKO)	UNIT/BAHAGIAN PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
5.3.1	Keselamatan dan kesihatan pegawai yang terlibat dalam proses menguatkuasakan undang-undang tergugat	- Kurang mematuhi prosedur dan TOP yang ditetapkan - Item yang dikuatkuasa merupakan bahan kimia yang pelbagai tahap toksin/kebisaan racun - Bungkusan item yang dikuatkuasa yang mempunyai beban bungkusan yang pelbagai - Terdedah kepada <i>hazard</i> bahaya pengendalian bahan kimia, ugutan, sakit tulang belakang dan ancaman tonto/ pihak luar semasa aktiviti penguatkuasaan dijalankan	- Aktiviti penguatkuasaan dilaksanakan dengan kurang sempurna disebabkan risiko yang ada - Kurang minat di kalangan pegawai untuk menyertai unit yang berisiko - Pengawai penguatkuasa terdedah kepada penyakit yang disebabkan pencemaran bahan kimia	5.3.1.1 Menyediakan kertas permohonan elaun kritikal dengan merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2019 kepada JPA Jabatan Perkhidmatan Awam 5.3.1.2 Penguatkuasa dibekalkan pakaian seragam dengan tujuan meningkatkan keterampilan dan imej penguatkuasaan 5.3.1.3 Membekal dan mewajibkan pemakaian kelengkapan keselamatan peribadi (PPE) untuk pegawai penguatkuasa 5.3.1.4 Perolehan peralatan pengendalian yang sesuai bagi tujuan memindahkan item beban berat 5.3.1.5 Mewajibkan pemeriksaan kesihatan secara berkala	BK/BKRPB/BPM BKRPB BKRPB BKRPB BKRPB/BPM/ BBT	September 2020-Februari 2021 September 2020-Ogos 2025 (1 kali setahun) September 2020 Ogos 2025 September 2020-Ogos 2025 (2 kali setahun) September 2020-Ogos 2025

FORMAT PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN PELAN ANTIRASUAH DOA

PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

STRATEGI 5

Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang

OBJEKTIF STRATEGIK 5.3

Memperkukuhkan Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang

BIL.	RISIKO / POTENSI RISIKO (KELEMAHAN: GOVERNANS, INTEGRITI & ANTI RASUAH)	PUNCA RISIKO	KESAN RISIKO	INISIATIF / TINDAKAN (Tangani / Atasi RISIKO)	UNIT/BAHAGIAN PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
5.3.2	Kurang motivasi melaksanakan tugas penguatkuasaan	1. Kekurangan Pegawai penguatkuasa akibat kekosongan jawatan penguatkuasa sedia ada tidak diisi. 2. Pegawai yang sama terlibat dengan pelbagai tugas 3. Kurang kompetensi Pegawai 4. Peningkatan beban tugas kakitangan penguatkuasa	1. KPI tidak tercapai 2. Kualiti kerja tidak tercapai 3. Kebocoran maklumat 4. Penerimaan rasuah 5. Tekanan perasaan 6. Kesihatan terjejas	5.3.2.1 Mewujudkan dan melaksanakan dasar pertukaran bagi pelaksanaan pusingan kerja di kalangan pegawai 5.3.2.2 Pengisian segera kekosongan perjawatan penguatkuasa dengan mengambil kira elemen integriti sebagai prasyarat 5.3.2.3 Pemberian elaun/ insentif kritikal untuk penguatkuasa	BK BK BK	(2 kali setahun) September 2020- Ogos 2025 September 2020-Ogos 2025 September 2020-Ogos 2025

FORMAT PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN PELAN ANTIRASUAH DOA
 PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

STRATEGI 5		Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang				
OBJEKTIF STRATEGIK 5.4		Menambahbaik Perundangan dan Penguatkuasaan Undang-Undang				
BIL.	RISIKO / POTENSI RISIKO (KELEMAHAN: GOVERNANS, INTEGRITI & ANTI RASUAH)	PUNCA RISIKO	KESAN RISIKO	INISIATIF / TINDAKAN (Tangani / Atasi RISIKO)	UNIT/BAHAGIAN PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
5.4.1	Penyediaan kertas siasatan kes yang tidak lengkap untuk tujuan pendakwaan	1. Pegawai penyiasat menerima suapan 2. Pegawai penyiasat ada kepentingan 3. Pegawai kurang kompeten mengendalikan kes di mahkamah 4. Ketidacukupan maklumat oleh sebab kekurangan peralatan dalam pembuktian kes 5. Saksi tidak dapat dikesan	1. Tindakan tidak dapat diambil kepada pesalah. 2. <i>Conflict of interest</i> – mempunyai kepentingan peribadi. 3. Bilangan kes tertangguh meningkat 4. Mengancam sektor pertanian negara	5.4.1.1 Mengadakan kursus berkaitan dengan siasatan dan pendakwaan secara berterusan bagi meningkatkan kecekapan pegawai penyiasat dan pegawai pendakwa 5.4.1.2 Audit terhadap pelaksanaan TOP 5.4.1.3 Surat Pekeliling KSN mengenai Garis Panduan Pengiktirafan kepada Penjawat Awam Yang Melapor Pemberian/ Penerimaan Rasuah	BKRPB BK	(2 kali setahun) September 2020-Ogos 2025 (1 kali setahun) September 2020- Ogos 2025 September 2020-Ogos 2025
5.4.2	Penyalahgunaan <i>Approved Permit</i> (AP) pengimportan kelapa tua biji dan kubis bulat	1. Tiada punca kuasa yang jelas dalam pelaksanaan pentadbiran kelulusan import (AP) bagi pengimportan kelapa tua biji dan kubis bulat	1. Penjualan (AP) kepada pihak ketiga. 2. Pengeksportan semula kelapa biji tua yang diimport ke luar negara 3. Gangguan harga kubis bulat di pasaran dan lambakan kelapa tempatan 4. Ekonomi petani terjejas	5.4.2.1 Penambahbaikan TOP sedia ada	BPIT/BKKT/BBT	September 2020- Februari 2021

FORMAT PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN PELAN ANTIRASUAH DOA

PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

STRATEGI 5

Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang

OBJEKTIF STRATEGIK 5.4

Menambahbaik Perundangan dan Penguatkuasaan Undang-Undang

BIL.	RISIKO / POTENSI RISIKO (KELEMAHAN: GOVERNANS, INTEGRITI & ANTI RASUAH)	PUNCA RISIKO	KESAN RISIKO	INISIATIF / TINDAKAN (Tangani / Atasi RISIKO)	UNIT/BAHAGIAN PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
5.4.3	Pemalsuan Sijil myGAP/ myOrganic, Skim MPCA, MAHTAS dan MAFAS	1. Tiada punca kuasa yang jelas dalam pelaksanaan program myGap, myOrganic, Skim MPCA, MAHTAS dan MAFAS 2. Jabatan tiada kuasa untuk mengambil tindakan ke atas penyalahgunaan sijil	1. Pengguna terdedah kepada makanan yang tidak selamat dimakan 2. Kredibiliti persijilan diragui 3. Imej Jabatan terjejas	5.4.3.1 Mewujudkan sistem semakan kesahihan sijil secara atas talian 5.4.3.2 Mewujudkan kerjasama dengan pihak penguatkuasa yang berkaitan	BPS/BBT/BKKT BPS/BBT/BKKT	September 2020-Ogos 2021 September 2020-Ogos 2021

“ **RASUAH** bukan
jalan pintas untuk hidup
mewah ”







Bab 4

PRINSIP

PENGURUSAN

ANTIRASUAH DOA

4.1 Prinsip Pengurusan Antirasuah Jabatan Pertanian

4.2 Mekanisme Pelaksanaan

4.3 Kerangka Pelaksanaan PLANT DOA 2020-2025

4.4 Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan dan Penilaian

4.1 PRINSIP PENGURUSAN ANTIRASUAH JABATAN PERTANIAN

Prinsip I : Komitmen Pengurusan Tertinggi



Pengurusan Tertinggi bertanggungjawab dalam memastikan organisasi mengamalkan integriti dan etika di tahap yang tertinggi dan mematuhi sepenuhnya keperluan undang-undang dan peraturan berkaitan antirasuah yang berkuatkuasa serta menguruskan risiko rasuah utama organisasi secara berkesan.

Pihak Pengurusan Tertinggi juga perlu memberi jaminan kepada pemegang taruh bahawa operasi Jabatan adalah mematuhi dasar-dasar

dalam dan keperluan yang digariskan dalam peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan. Ia termasuk menunjukkan teladan yang baik seperti menyatakan pendirian Jabatan berhubung larangan salah laku dalam sebarang aktiviti dan akan menerajui usaha Jabatan untuk meningkatkan kecekapan rangka kerja pengurusan risiko rasuah, sistem kawalan dalaman, penilaian dan pemantauan serta latihan dan komunikasi.

Bagi tujuan tersebut, Jabatan akan melakukan perkara-perkara seperti berikut:

- 01** Mewujudkan dan memastikan kesinambungan serta membuat penilaian secara berkala ke atas program pematuhan berhubung antirasuah termasuklah objektif dan dasar yang mencukupi bagi menangani risiko rasuah.
- 02** Mempromosi budaya integriti dalam Jabatan.
- 03** Mengeluarkan arahan, polisi dan pernyataan komitmen Jabatan berhubung antirasuah dan seterusnya diuar-uarkan kepada warga Jabatan dan pihak luar.
- 04** Menggalakkan penggunaan sistem e-integriti dan pelbagai medium pelaporan atau “pemberi maklumat” bagi melaporkan tentang pihak yang disyaki terlibat dalam sebarang salah laku dan jenayah rasuah.
- 05** Melantik seorang pegawai khusus yang bertanggungjawab melaksanakan tugas berkaitan pematuhan undang-undang atau peraturan berkenaan antirasuah, termasuklah memberi nasihat dan bimbingan kepada kakitangan dan pihak berkepentingan melalui program antirasuah yang dilaksanakan.
- 06** Memastikan hasil laporan audit, penilaian risiko, langkah kawalan dan prestasinya dilaporkan kepada Pengurusan Tertinggi.

Prinsip II : Penilaian Risiko Rasuah



Penilaian risiko rasuah dijadikan asas kepada usaha antirasuah Jabatan. Sehubungan itu, Jabatan akan melaksanakan penilaian risiko rasuah secara berkala dan apabila terdapat perubahan dalam undang-undang atau keadaan melalui pengenalanpastian risiko, analisis, penilaian dan memberi keutamaan kepada risiko rasuah dalaman dan luaran bagi organisasi berkenaan. Hasil penilaian risiko ini akan dijadikan asas untuk mewujudkan proses, sistem dan kawalan yang diluluskan oleh Pengurusan Tertinggi untuk mengurangkan risiko terdedah kepada unsur rasuah.

Prinsip III : Pelaksanaan Langkah Kawalan Dalaman

Jabatan akan mewujudkan langkah kawalan dan kontingensi yang munasabah dan bersesuaian bagi menangani sebarang yang berbangkit daripada kelemahan dalam rangka kerja tadbir urus, proses dan prosedur.



Prinsip IV : Pemantauan, Penilaian dan Penguatkuasaan Secara Sistematik

Pengurusan Tertinggi akan memastikan penilaian secara berkala bagi menilai prestasi, kecekapan dan keberkesanan program antirasuah dan memastikan program tersebut dilaksanakan. Penilaian tersebut boleh dijalankan melalui audit dalaman atau audit oleh pihak luar. Hasil penilaian boleh dijadikan asas untuk memantapkan usaha-usaha kawalan antirasuah sedia ada di Jabatan.



Prinsip V : Latihan dan Komunikasi

Jabatan akan membangunkan dan menghebahkan maklumat berhubung sistem pengurusan antirasuah melalui latihan dan komunikasi dalaman dan luaran yang bersesuaian dengan operasi meliputi perkara-perkara berikut:

Dasar

Saluran pelaporan aduan

Latihan

Kesan ke atas ketidakpatuhan peraturan berkaitan



4.2 MEKANISME PELAKSANAAN



Bagi memastikan inisiatif antirasuah dilaksanakan secara cekap dan sistematik, DOA telah menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan, Pelaksanaan dan Pemantauan OACP berdasarkan “Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018, Siri 2 No. 1 Tahun 2019 – Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia.”

Ketiga-ketiga peringkat ini memberi tumpuan kepada tugas-tugas berikut:

A	Peringkat Kementerian
B	Peringkat Pengurusan Tertinggi
C	Peringkat Operasi

Penilaian risiko rasuah, pengesahan dasar dan penyelesaian, pelaksanaan program dan aktiviti serta pemantauan dan penilaian prestasi. Butiran struktur adalah seperti berikut:



4.3 KERANGKA PELAKSANAAN PLANT DOA 2020-2025

Pelaksanaan PLANT DOA merangkumi dua peringkat yang terdiri daripada peringkat Kementerian dan peringkat Jabatan. Peringkat-peringkat ini saling berkait dan memainkan peranan penting dalam menyokong pelaksanaan, pelaporan dan semakan pelan ini. Hubungan ini juga membantu memastikan persefahaman bersama, pembentukan dasar yang mampan,

komitmen terhadap perkongsian sumber dan pelaksanaan yang teratur.

Secara keseluruhannya, kerangka pelaksanaan PLANT DOA ini akan mempermudah pelaksanaan strategi dan inisiatif antirasuah di Jabatan.



Ringkasan pelaksanaan kerangka PLANT DOA adalah seperti berikut :



4.4 MEKANISME PENYELARASAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

Bagi memantapkan sistem pemantauan pelaksanaan PLANT DOA, semua Pengarah Bahagian dikehendaki:

- i. Melantik *desk officer* tetap bagi memantau pelaksanaan pelan tindakan di peringkat masing-masing.
- ii. Melaksanakan program-program berkaitan yang telah ditetapkan dan membuat pemantauan ke atas pelaksanaan program-program tersebut.
- iii. Mengemukakan laporan pelaksanaan masing-masing bagi setiap suku tahun kepada Unit Integriti DOA.
- iv. Penilaian pencapaian PLANT DOA ini akan dijalankan pada setiap dua kali setahun. Satu kajian semula PLANT DOA dan kajian keberkesanan akan dibuat pada tahun 2023 untuk menentukan keberkesanan secara holistik. Penilaian prestasi bagi setiap pelan tindakan yang telah digariskan hendaklah dibuat bagi memastikan peratus (%) pelaksanaannya mengikut perancangan dalam tempoh masa yang ditetapkan.



Mekanisme Penilaian

Keutamaan penilaian merupakan amalan penting bagi memastikan setiap tindakan yang diambil telah memenuhi jangkaan dan matlamat PLANT DOA. Dalam mengenal pasti kemajuan dan prestasi pelaksanaan setiap strategi dan inisiatif, semua aktiviti akan sentiasa dipantau dan dinilai berdasarkan mekanisme berikut:



“ **JIKA HILANG**
..**Wang** boleh dicari
..**Harta** boleh dibeli kembali
..**Integriti** maka hilanglah kehidupan
yang bermakna.”

KESIMPULAN



ULAN

KESIMPULAN

Kejayaan pelaksanaan semua 58 inisiatif dalam tempoh 5 tahun akan datang bakal menentukan hala tuju baharu Jabatan.

Melihat kepada ketegasan Kerajaan Malaysia dalam memerangi rasuah di dalam negara, DOA sebagai sebuah Jabatan persekutuan akan sentiasa berusaha menyahut seruan dan mengambil berat komitmen yang telah dinyatakan oleh Kerajaan dengan memberi sokongan penuh kepada semua usaha pengukuhan integriti, governans dan antirasuah. Lantaran itu, DOA turut memperlihatkan komitmen dengan membangunkan PLANT DOA dalam menyokong dasar antirasuah Kerajaan. Intipati Pelan ini mengandungi tindakan yang perlu diambil sebagai menyahut dasar Kerajaan untuk memastikan Malaysia menjadi sebuah negara bebas rasuah.

DOA telah mengenalpasti sebanyak 20 risiko dan menggariskan 58 inisiatif yang perlu dilaksanakan bagi menangani isu tadbir urus, integriti dan antirasuah secara menyeluruh dengan tempoh lima tahun untuk dilaksanakan. Melalui tiga (3) strategi, PLANT DOA akan bertindak sebagai instrumen serta panduan strategik dalam memastikan segala langkah dan usaha pembasmian jenayah rasuah berjaya direalisasikan.

Bagi memastikan keberkesanan PLANT DOA ini, pelaksanaan semua inisiatif yang telah dikenal pasti akan dipantau dan dikaji semula secara berkala. Jabatan akan sentiasa peka dengan perubahan semasa dengan mengambil kira maklum balas, nasihat dan panduan daripada



pelbagai pihak supaya inisiatif yang dirangka akan sentiasa relevan dan terus menjadi panduan dan rujukan semua pihak dalam menangani salah laku dan jenayah rasuah.

Kejayaan pelaksanaan semua 58 inisiatif dalam tempoh lima (5) tahun akan datang bakal menentukan hala tuju baharu Jabatan dalam aspek penambahbaikan governans, integriti dan antirasuah untuk kelangsungan dan kelestarian pelan ini pada masa hadapan.

PENGHARGAAN

Ucapan Terima Kasih Yang Tidak Terhingga Kepada

Yang Brs. Tuan Hj. Mohd. Nasir bin Warris

Ketua Pengarah Pertanian

Yang Bhg. Datin Jatih Aliah binti Timin

Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pengurusan dan Regulatori)

Yang Brs. Encik Elias bin Saad

Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pembangunan Industri dan Pengembangan)

Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC)

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Penerbit Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023

Institut Integriti Malaysia (IIM)

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN

Bahagian Pengembangan Pertanian dan Industri (BPPIAT)

Bahagian Pembangunan Industri Tanaman (BPIT)

Bahagian Biosekuriti Tumbuhan (BBT)

Bahagian Kawalan Racun Makhluk Perosak dan Baja (BKRPB)

Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman (BKKT)

Bahagian Perancangan Strategik (BPS)

Bahagian Pengurusan Sumber Tanah (BPST)

Bahagian Khidmat Pengurusan (BK)

Bahagian Pembangunan Modal Insan (BPMI)

Bahagian Pertanian Bandar (BPB)

Bahagian Kejuruteraan Pertanian (BKP)

Bahagian Perkhidmatan Makmal (BPM)

Unit Komunikasi Korporat (UKK)

Unit Integriti

Unit Undang-undang (UU)

Jabatan Pertanian Labuan

TENAGA PAKAR INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM)

Tuan Haji Hamilye Sham bin Harun

Encik Harisham bin Ibrahim

Puan Roziah binti Harun

Encik Mohd Fadzly bin Mohd Poad

Terima kasih juga diucapkan kepada pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penyediaan PLANT DOA 2020 -2025

PASUKAN EDITOR

PENASIHAT

Yang Brs. Tuan Hj. Nasir bin Warris

Ketua Pengarah Pertanian

TIMBALAN PENASIHAT

Yang Bhg. Datin Jatih Aliah binti Timin

Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pengurusan dan Regulatori)

Yang Brs. Encik Elias bin Saad

Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pembangunan Industri dan Pengembangan)

KETUA EDITOR

Puan Maznah binti Che Muda

PASUKAN EDITOR

Tuan Abdul Razak bin Hamzah

Tuan Soock Wee A/L Ei Tem

Puan Azean binti Ahmad

Puan Raja Aqma Baizura binti Raja Tahairan

Puan Rosnaini binti Hamzah

Puan Yulfaizy binti Mohd Yusoff

Puan Nooreehan binti Baharudin

Tuan Razrilmokrish bin Mohd Yusof

Encik Fadzly bin Barsari

Puan Geetaa a/p Mathawan

Encik Mohd Bazli bin Abd Razak

Puan Faizah binti Hj. Baba

Encik Hafizal bin Aut

Puan Nur Farazillah binti Adnan

Puan Syazwani binti Sirat

Encik Arnold Ritchie Likur

Puan Che Norliza binti Che Yusoff

Puan Siti Faiza binti Sohaimi

Encik Wan Muhammad Husnul Hasbi bin Wan Awang Man

Encik Muaazam bin Mohd Jasni

Encik Faisal bin Ismail

BARISAN 'DESK OFFICER' BAHAGIAN

Encik Mohd Nazri bin Abu Seman

Puan Jong Chun Sun

Dr. Florence C. Ginibun

Puan Dona Lakai

Encik Ulah anak Anggat

Dr Lilynorfeshah binti Mohd Syah

Encik Azizi bin Hashim

Encik Ismail bin Iberahim

Encik Muhammad Syaifudin bin Omar

Puan Noor Zaini binti Ahmad

Encik Sharipuddin bin Mohd Halidi

Encik Mohamad Ariffin bin Saraila

Encik Syaharudin bin Md Zain

Puan Masni binti Mohd Marzuki

Puan Noor Hasnita Yuzani binti Yusoff

Encik Shahril bin Sabri

Puan Maslina binti Ismail

Encik Khairul Izhar bin Lafasa Rais

Puan Diana binti Jamaludin

Puan Kintan Nazura binti Mohamed Yusuff

Encik Mohd Azlan bin Abu Bakar

Cik Rohaya binti Mat Nor

Encik Mohammad Zamani bin Safie

Puan Hasmiza binti Hussin

Puan Dzuhaizah binti Sulaiman

Encik Fazrul Edlin bin Saleh

Puan Yusliana binti Abdul Rahim

Encik Lim Kian Chai

Puan Zubaidah binti Nasahide

Puan Norhaina binti Abd Ghani

Encik Mohd Jurijh bin Abdullah Fauzi

Cik Aliah Atiqah binti Hj. Razali

Puan Nur Zaitasha binti Mahmudin

Puan Fonsenka Sendi Anak Meru

Encik Mohd Sobri bin Ismail

Puan Enjeley Anjin

Puan Maizan binti Abu Hassim

Encik Shukor bin Mohd Noor

Encik Zaimi bin Abu Bakar

Puan Che Wan Zadilah binti Che Wan Ibrahim

Unit Integriti **JABATAN PERTANIAN**



SINGKATAN

APC	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
APB	Amalan Pertanian Baik
BPPIAT	Bahagian Pengembangan Pertanian dan Industri Asas Tani
BPIT	Bahagian Pembangunan Industri Tanaman
BPST	Bahagian Pembangunan Sumber Tanah
BBT	Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
BPS	Bahagian Perancangan Strategik
BPMI	Bahagian Pembangunan Modal Insan
BKKT	Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman
BK	Bahagian Khidmat Pengurusan
BKRPB	Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja
BKP	Bahagian Kejuruteraan Pertanian
BPB	Bahagian Pertanian Bandar
BPM	Bahagian Perkhidmatan Makmal
CRM	Pengurusan Risiko Rasuah
DOA	Jabatan Pertanian
FAMA	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
GIACC	Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah
GTP	Pelan Transformasi Kerajaan
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
IP	<i>Integrity Pack</i>
IPP	Institut Pengurusan Peladang
ISPM	<i>International Standard for Phytosanitary Measures</i>
JKKMAR	Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah
KSN	Ketua Setiausaha Negara
LKIM	Latihan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
LPP	Lembaga Pertubuhan Peladang

LNPT	Laporan Nilai Prestasi Tahunan
MAFAS	Skim Akreditasi Pemasangan Malaysia
MAHTAS	Skim Perakuan Rawatan Haba Malaysia
MARDI	Institut Penyelidikan dan Pengembangan Pertanian
NACP	Pelan Antirasuah Nasional
NFA	Tiada Tindakan Selanjutnya
NGO	Peranan Pertubuhan Bukan Kerajaan
NKRA	Bidang Keberhasilan Utama Negara
OACP	Pelan Antirasuah Organisasi
PIN	Pelan Integriti Nasional
PIO	Pelan Integriti Organisasi
PPE	<i>Personel Protective Equipment</i>
SOP	Prosedur Operasi Standard
SPAN	Sistem Pengurusan Audit Nilai
SPBP	Skim Pengesahan Benih Padi
SPBT	Skim Pengesahan Bahan Tanaman
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
TOP	Tatacara Operasi Piawai
UI	Unit Integriti
UKK	Unit Komunikasi Korporat
UUU	Unit Undang-Undang
WPM	<i>Wood Packaging Material</i>
WTO	<i>World Trade Organization</i>

LAMPIRAN

AKUAN PEMATUHAN

Saya.....
(Nama Penuh Dengan Huruf Besar)

No. Kad Pengenalan

(Jawatan Dan Gred Jawatan)

Dengan ini, mengaku telah membaca, memahami dan akan mematuhi **PELAN ANTIRASUAH JABATAN PERTANIAN (PLANT DOA) 2020 - 2025**. Keengganan dan kegagalan saya mematuhi PLANT DOA ini tanpa alasan yang munasabah boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

(Tandatangan Pegawai)

Tarikh:

Disaksikan Oleh:

(Tandatangan Pengarah / Ketua Jabatan)

Nama:

Tarikh:

89

AKUAN PEMATUHAN

Saya.....
(Nama Penuh Dengan Huruf Besar)

No. Kad Pengenalan

(Jawatan Dan Gred Jawatan)

Dengan ini, mengaku telah membaca, memahami dan akan mematuhi **PELAN ANTIRASUAH JABATAN PERTANIAN (PLANT DOA) 2020 - 2025**. Keengganan dan kegagalan saya mematuhi PLANT DOA ini tanpa alasan yang munasabah boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

(Tandatangan Pegawai)

Tarikh:

Disaksikan Oleh:

(Tandatangan Pengarah / Ketua Jabatan)

Nama:

Tarikh:

SALINAN FAIL

90

100

PLANT DOA 2020-2025

LAMPIRAN A

FORMAT LAPORAN PELAKSANAAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)

LAPORAN PELAKSANAAN OACP					
BAHAGIAN: _____ Tempoh: SIKU _____ TAHUN _____					
Kementerian/Agensi/Kend Bidang Kautamaan Strategi					
BIL	OBJEKTIF STRATEGIK	INISIATIF	STATUS PELAKSANAAN	OUTCOME	CADANGAN/ULASAN
	Objektif strategik 2.1: Merealisasikan Perkhidmatan Awam ke Arah Tadbir Urus Baik	Inisiatif 2.1.5 Mewajibkan sektor awam untuk membandingkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dengan dibuat oleh tiga agensi iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Pusat Governance, Integriti dan Antirasuah Nasional (GACAP) dan Institut Integriti Malaysia	i) <i>Tindakan yang telah diambil:</i> Nyatakan prinsip-prinsip tindakan/aktiviti/program yang telah dilaksanakan bagi melaksanakan inisiatif ii) <i>Tindakan lanjut yang akan diambil:</i> Nyatakan prinsip-prinsip tindakan/aktiviti/program lanjut yang akan dilaksanakan	Nyatakan outcome/hasil yang akan dicapai dengan pelaksanaan inisiatif berkenaan.	Catatan mengenai pemencapaian tindakan/program/cadangan yang ditambahakan/pemasaan akan berkaitan inisiatif

CONTOH

LAPORAN PELAKSANAAN PLANT DOA 2020

BAHAGIAN: _____
 TEMPON: _____

STRATEGI 2 : MEMPERKUKUKKAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM
 OBJEKTIF STRATEGI 2.1 : MEREKAYASA PERKHIDMATAN AWAM KE ARAH TADBIR URUS BAIK

BIL	RISIKO	INISIATIF	BHGN	TEMPOH MASA PELAKSANAAN	OUTPUT PRORAM	OUTCOME (IMPAK) PRORAM	TARIKH PELAKSANAAN	DOKUMEN SOKONGAN
1	2.1.1 Pegawai minoriti sucara/r rasuah semasa menjalankan kerja	Mengadakan Kursus Penguasaan Kewangan kepada kakitangan Jabatan	BPMI	(1 kali setahun) September 2020- Ogos2022	- Output adalah hasil yang dicapai dalam jangka pendek. - Jumlah kursus yang berkaitan penguasaan kewangan dijalankan. - Maklumat kursus seperti nama kursus,tempat bilangan peserta	- Outcome adalah hasil jangka panjang/berkesan sebagai impak. - Apa peserta dapat dan kursus seperti: - Kakitangan dapat menggunakan kewangan pejabat dengan bijak - Aduan berkaitan rasuah dapat dikurangkan - Bilangan status murtis dewanah bisa dapat dikurangkan	Tarikh kursus itu dijalankan	Surat Jemputan untuk menghadiri kursus jadual terbitan kursus



JABATAN PERTANIAN

Aras 7-17, Wisma Tani, No. 30, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62624 Putrajaya, Malaysia.

Tel : 03-8870 3007 | pro@doa.gov.my | www.doa.gov.my